

PEMBANGUNAN KOMUNITI,
PELUANG BAGI USAHAWAN KECIL DAN MENENGAH
SEKTOR PELANCONGAN DI PROVINSI BANTEN
INDONESIA

EDI RAHMAT TAUFIK

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2014

PEMBANGUNAN KOMUNITI,
PELUANG BAGI USAHAWAN KECIL DAN MENENGAH SEKTOR
PELANCONGAN DI PROVINSI BANTEN INDONESIA

Oleh:
EDI RAHMAT TAUFIK

**Tesis ini dikemukakan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah**

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan Universiti Utara Malaysia boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia-penyelia saya atau, jika ketiadaan beliau, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripada bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran tertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada :

Dekan
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia

ABSTRAK

Pembangunan komuniti merupakan salah satu agenda penting bagi sesebuah negara dalam meningkatkan kesejahteraan serta kemakmuran rakyatnya. Penyertaan komuniti dalam arus pembangunan dikatakan dapat mewujudkan peluang keusahawan demi mempertingkatkan kegiatan ekonomi dan seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Oleh demikian kajian ini telah memilih sektor pelancongan sebagai bahan kajian kerana sumbangannya terhadap pendapatan negara. Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan model tentang pengaruh pembangunan komuniti terhadap peluang usahawan kecil dan sederhana sektor pelancongan di Provinsi Banten sama ada secara langsung mahupun tidak langsung melalui pengetahuan, sikap, dan gelagat usahawan. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mewujudkan generalisasi empirikal, menetapkan objektif, konsep-konsep, membuktikan teori, dan mengembangkan teori. Subjek penyelidikan ini adalah masyarakat setempat seramai 400 orang yang merangkumi usahawan dan penduduk yang tinggal di tiga daerah kawasan kajian dengan menggunakan teknik *stratified proportional random sampling*. Data kajian diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan langsung antara pembangunan masyarakat dan peluang-peluang keusahawanan. Walau bagaimanapun, terdapat pengaruh tidak langsung dan ketara dalam pengetahuan, sikap dan tingkah laku usahawan dalam pembangunan masyarakat yang terdiri daripada kerjasama, produk gantian dan pengambilalihan. Manakala promosi dan pembangunan lestari tidak mempunyai kesan yang besar ke atas peluang-peluang keusahawanan. Pemboleh ubah seperti jantina, taraf pendidikan, status perkahwinan, tanggungan, spesifikasi usahawan, jumlah kakitangan, perolehan, modal awal, dan status usahawan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peluang keusahawanan. Tetapi pemboleh ubah seperti usia, jumlah keuntungan, dan modal yang besar tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peluang keusahawanan.

Kata kunci : pembangunan komuniti, peluang keusahawan, pembangunan pelancongan

ABSTRACT

Community development is one of the important agenda of a country to increase the well-being and prosperity of it's people. Community participation in the mainstream of development is said to be able to create entrepreneurial opportunities and to enhance the economic activity and thus benefit the whole community. Thus this research has chosen the tourism sector for the study because of its contribution to the National Income. The purpose of this study is to produce a model of the influence of the community development in providing opportunities for small and medium tourism enterprises in the province of Banten, directly or indirectly through knowledge, attitudes, and behavior of entrepreneurs themselves. Research was conducted using quantitative research to provide empirical generalization, set objectives, concepts, proving the theory, and development of a theory. The subject of this research is the community of 400 individuals, which comprises entrepreneurs and the people who live in the three districts of the study area using proportional stratified random sampling technique. Research data was obtained by using questionnaires. Finding has shown that there is a direct correlation between community development and entrepreneurial opportunities, however, there is an indirect influence and of significant in knowledge, attitude and behavior of entrepreneurs in community development consisting of collaborations, substitute product and acquisition, while the promotion and sustainable development has no significant effect on entrepreneurial opportunities. Variables such as gender, educational level, marital status, dependents, specification of entrepreneurship, no of employees, procurement, initial capital, and the status of entrepreneurs do have significant influence on the entrepreneurial opportunities but age, amount of profits, and capital largely have no significant influence on entrepreneurial opportunities .

Keywords: community development, entrepreneurial opportunities, tourism development

PENGHARGAAN

Penghargaan yang pertama dan utama saya tujukan kepada Allah yang maha esa kerana dengan keizinan dan kurniaNya, tesis ini dapat ditulis dengan jayanya.

Dikesempatan ini, saya ingin memberikan penghargaan dan ucapan terimakasih kepada Profesor Madya Dr. Ismail Bin Lebai Othman sebagai penyelia ke atas tesis ini. Beliau telah bersusah payah memberikan segala dorongan, tunjuk ajar, panduan dan bantuan sepanjang tempoh pengajian saya.

Sekalung penghargaan saya tujukan kepada pemeriksa dalaman Dr. Noor Azmi bin Hashim dan Dr. Shuymee bin Ahmad.

Pada kesempatan ini saya ingin melahirkan penghargaan khas kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Wira Dr. Muhamad Mustafa Ishak (Naib Conselor UUM) ke atas kesempatan yang diberikan untuk mengikuti pengajian di Universiti Utara Malaysia. Penghargaan juga saya tujukan kepada Dekan, Sekolah Pengurusan Perniagaan.

Selanjutnya saya mengucapkan terimakasih kepada Ibunda Hj. Hamsyah (almarhumah) dan ayahanda H. Abdul Mutholib (almarhum), isteri Hajjah Nurhayati Nufus dan anak-anak tercinta, Rudy, Zaky, dan Nakhla.

Kepada semua yang telah menolong saya ucapkan terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
TAJUK	i
PERAKUAN KERJA TESIS	ii
KEBENARAN MENGGUNA	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB SATU PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Penyataan Masalah	11
1.3	Persoalan Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Sumbangan Kajian	13
1.6	Skop dan Batasan Kajian	14
1.7	Organisasi Tesis	15

BAB DUA ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan	17
2.1	Konsep Pembangunan Pelancongan	21
2.2	Skop Keusahawanan Pelancongan	26
2.3	Konsep Pembangunan Komuniti	34
	2.3.1. Kolaborasi	42
	2.3.2. Promosi	44
	2.3.3. Produk Pengganti	51
	2.3.4. Pengambilalihan	53
	2.3.5. Pembangunan Lestari	55
2.4	Peluang Usahawan kecil dan menengah sektor pelancongan	59
	2.4.1. Peluang Usahawan	60
	2.4.2. Usahawan Kecil dan Menengah	62
2.5	Teori Pembolehubah Perantara	68
	2.5.1. Pengetahuan	69
	2.5.2. Sikap	72
	2.5.3. Gelagat	75
2.6	Kerangka Teori Kajian	81
2.7	Operasionalisasi Pembolehubah Kajian	82

BAB TIGA KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	95
3.1	Kerangka Penyelidikan	95
3.2	Perancangan Penyelidikan	96
3.3	Definisi Operasional	98
3.4	Populasi dan Persampelan	99
3.5	Teknik Pengumpulan Data	101
3.5.1	Soal Selidik	101
3.5.2	Kajian Rintis	102
3.5.2.1.	Uji Kesahihan Soal Selidik	102
3.5.2.2	Keesahan Soal Selidik	105
3.5.3	Pengamatan	107
3.6	Teknik Analisis Data	108

BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	111
4.1	Analisis Statis Deskriptif	111
4.2	Analisis Inferensial	114
4.2.1.	Analisis Faktor	115
4.2.2.	Pembangunan Komuniti Terhadap Pengetahuan, Sikap Dan Gelagat Usahawan	117
4.2.2.1	Pembangunan Komuniti Terhadap Pengetahuan Usahawan	118
4.2.2.2	Pembangunan Komuniti Terhadap Sikap Usahawan	121
4.2.2.3	Pembangunan Komuniti Terhadap Gelagat Usahawan	125
4.2.3.	Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Aspek Pengetahuan, Sikap, Dan Gelagat Usahawan	128
4.2.4.	Pengaruh Pengetahuan, Sikap, Dan Gelagat Usahawan Terhadap Peluang Usaha Produk Pelancongan	141
4.2.5.	Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usahawan	145
4.2.6	Keputusan Tentang Peluang-Peluang Keusahawanan Yang Wujud Dalam Penyertaan Komuniti Pada Pembangunan Pelancongan Tempatan	148
4.3	Perbincangan	154
4.3.1.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Pengetahuan Usahawan	154
4.3.2.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Sikap Usahawan	155
4.3.3.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Gelagat Usahawan	157

4.3.4.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Pengetahuan Usahawan	158
4.3.5.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Sikap Usahawan	159
4.3.6.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Gelagat Usahawan	160
4.3.7	Perbincangan Tentang Pengaruh Pengetahuan, Sikap, Dan Gelagat Usahawan Terhadap Peluang Usaha Produk	161
4.3.8.	Perbincangan Tentang Pengaruh Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha	162
4.3.9.	Perbincangan Tentang Peluang-Peluang Keusahawanan Yang Wujud Dalam Penyertaan Komuniti Pada Pembangunan Pelancongan Tempatan	162
 BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.0	Pengenalan	164
5.1	Kesimpulan	164
5.2	Cadangan	166
 RUJUKAN		
		170
 LAMPIRAN		
		190

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Model Pembangunan Pelancongan	22
2.2 Unsur – Unsur Perencanaan Pelancongan	27
2.3 Campuran Pemasaran Dalam Pemasaran Pelancongan	46
2.4 Daya Saing UKM	63
2.5 Model Ajzen Dan Fishbein	69
2.6 Kerangka Kajian Untuk Tujuan Pengujian Hipotesis	81
4.1 Rajah Jalur Untuk Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Pengetahuan Usahawan	121
4.2 Rajah Jalur Untuk Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Sikap Usahawan	124
4.3 Rajah Jalur Untuk Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Gelagat Usahawan	127
4.4 Rajah Jalur Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Pengetahuan Usahawan	131
4.5 Rajah Jalur Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Sikap Usahawan	136
4.6 Rajah Jalur Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Gelagat Usahawan	140
4.7 Rajah Jalur Untuk Pengaruh, Sikap, Dan Gelagat Usahawan Terhadap Peluang	144
4.8 Rajah Jalur Untuk Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha	148
4.9 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Pengetahuan Usahawan Di Provinsi Banten	155
4.10 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Sikap Usahawan Di Provinsi Banten	156
4.11 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Gelagat Usahawan Di Provinsi Banten	157
4.12 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Pengetahuan Usahawan Di Provinsi Banten	158
4.13 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Sikap Usahawan Di Provinsi Banten	159
4.14 Model Pembangunan Komuniti Terhadap Peluang Usaha Melalui Gelagat Usahawan Di Provinsi Banten	160
4.15 Model Pagaruh Pengetahuan, Sikap Dan Gelagat Usahawan Terhadap Peluang Usaha Di Provinsi Banten	161

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Statistik Kunjungan Pelancongan Di Indonesia 2003 - 2012	6
1.2 Produk Pelancongan Provinsi Banten	8
1.3 Wilayah Pembangunan Pelancongan (WPP) Provinsi Banten	9
2.1 Ragam Pengertian Umum Usaha Kecil Dan Menengah Di Indonesia	66
2.2 Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Kolaborasi	84
2.3 Pembolehubah Pokok, Sub-Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Promosi	85
2.4 Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Produk Pengganti	86
2.5 Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Pengambilalihan	88
2.6 Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Pembangunan Lestari	89
2.7 Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pengetahuan	90
2.8 Pembolehubah Pokok, Sub-Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Peluang	93
3.1 Subjek Sampel Penyelidikan	110
3.2 Subjek Sampel Penyelidikan Berdasarkan Bidang Usaha	101
3.3 Hasil Uji Kesahihan Soal Selidik	103
3.4 Hasil Uji Keesahan Soal Selidik	106
3.5 Daftar Pertanyaan Soal Selidik Yang Direvisi	106
4.1 Profil Responden Penyelidikan	112
4.2 Median	113
4.3 Deviasi	114
4.4 KMO And Bartlett's Test	115
4.5 KMO And Bartlett's Test	116
4.6 Analisis Faktor	117
4.7 Model Ringkasan	118
4.8 ANOVA	118
4.9 Coefficients	119
4.10 Besarnya Pengaruh Berkongsi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Pengetahuan Usahawan	120

4.11	Model Ringkasan	121
4.12	ANOVA	122
4.13	Coefficients	123
4.14	Besarnya Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Sikap Usahawan	123
4.15	Model Ringkasan	125
4.16	ANOVA	125
4.17	Coefficients	126
4.18	Besarnya Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Gelagat Usahawan	128
4.19	Model Ringkasan	129
4.20	ANOVA	129
4.21	Coefficients	130
4.22	Besarnya Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Pengetahuan Usahawan Di Provinsi Banten	131
4.23	Model Ringkasan	133
4.24	ANOVA	133
4.25	Coefficients	134
4.26	Besarnya Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Sikap Usahawan Di Provinsi Banten	135
4.27	Model Ringkasan	137
4.28	ANOVA	137
4.29	Coefficients	138
4.30	Besarnya Pengaruh Kolaborasi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Peluang Usaha Melalui Sikap Usahawan Di Provinsi Banten	139
4.31	Model Ringkasan	141
4.32	ANOVA	142
4.33	Coefficients	142
4.34	Besarnya Pengaruh Pengetahuan, Sikap, Dan Gelagat Terhadap Peluang Usaha Di Provinsi Banten	143
4.35	Model Ringkasan	145
4.36	ANOVA	145
4.37	Coefficients	146
4.38	Besarnya Pengaruh Berkongsi, Promosi, Produk Pengganti, Pengambilalihan Dan Pembangunan Lestari Terhadap Pengetahuan Usahawan	147
4.39	Case Processing Summary	149
4.40	Model Ringkasan	149
4.41	ANOVA	150
4.42	Coefficients	151

4.43	Besarnya Pengaruh Usia, Jenis Kelamin, Tingkat Pendidikan, Sttaus, Perkahwinan, Banyaknya Tanggungan Jiwa, Spesifikasi Bidang Usaha, Banyaknya Kaki Tangan, Perolehan, Keuntungan, Modal Awal, Modal Sekarang Dan Status Tempat Usaha Terhadap Peluang Usaha	152
------	--	-----

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
Lampiran 1 : Soal Selidik Penyelidikan	190
Lampiran 2 : Hasil Pengolahan Data	198
Lampiran 3 : Hasil Uji Kajian Rintis	256

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan dapat memberikan impak yang signifikan terhadap pemeliharaan persekitaran pelancongan dan pertumbuhan ekonomi. Pelancongan dapat berterusan jika produk pelancongan yang dipaparkan, harmoni dengan persekitaran tempatan secara khusus dengan melibatkan pembangunan komuniti pelancongan. Oleh itu, komuniti tempatan akan mendapat perhatian dengan sumber pendapatan pelancongan. Komuniti tempatan merasakan kegiatan pelancongan sebagai sebahagian dari kehidupannya, (Cemea, 1991) mengemukakan bahawa penyertaan komuniti tempatan memberikan banyak peluang perniagaan.

Oleh itu peluang perniagaan pelancongan dapat membantu dan mempertingkatkan pertumbuhan industri pelancongan. Menurut Mushawevato (2012) dalam kajiannya di Zimbabwe, pelancongan di negara itu menyumbang 10.3% terhadap produk domestik bruto (PDB) negara itu pada tahun 2011 dan merupakan pendapatan kedua selepas perlombongan. Selain itu World Tourism Organization (WTO) telah menyatakan bahawa jika negara itu tetap stabil secara politik pada tahun 2012 pelancongan Zimbabwe akan tumbuh sebesar 8.7% se tahun dibandingkan dengan tingkat pertumbuhan 10% untuk China, sedangkan menurut Lincoln (1994), ada tiga perkara yang mewujudkan pertumbuhan industri pelancongan iaitu pertama, penampilan eksotik dimana setiap pelancong ingin melihat sesuatu kelainan pada destinasi yang dikunjungi. Kedua, keinginan atau keperluan pelancong untuk berhibur dimana setiap pelancong pada dasarnya memerlukan hiburan atau santai untuk keluar

dari rutin harian. Ketiga, kemajuan sektor pelancongan dapat memenuhi kepentingan politik pihak berkuasa yang berkepentingan.

Menurut By (2005) dalam industri pelancongan, usaha kecil dan menengah seringkali bersifat dinamik dan terlibat aktif dalam proses pengelolaan perubahan dalam lingkungan yang mengarah kepada cabaran. Rabellotti (1994) menyatakan pembangunan industri pelancongan dapat membantu pertumbuhan usahawan kecil dan menengah dalam pelbagai aspek. Ini dapat dilihat dari sumbangan sektor pelancongan kepada pendapatan negara dan peningkatan bilangan usahawan kecil dan sederhana di negara-negara di seluruh dunia. Sektor pelancongan sudah menjadi sektor utama di banyak negara dan Naisbitt (1997) menyatakan sektor pelancongan merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan negara dan merupakan sektor utama dalam ekonomi global.

Pada separuh abad dua puluh, industri pelancongan menjadikan sektor ekonomi dunia yang terus tumbuh, memiliki kapasiti yang tinggi untuk menghasilkan dan menyumbangkan pendapatan dibandingkan dengan sektor lain; memiliki kesan pengandaan yang tinggi iaitu menentukan variasi dari produk dan perkhidmatan industri yang tinggi dibanding sektor lain (Dorin, 2013). Ohashi dan Kholil (1995) menyatakan bahawa pertumbuhan industri pelancongan yang pesat pada abad ke 21 akan mengarah dari Amerika dan Eropah ke Asia Pasifik. Asia Pasifik merupakan kawasan pertumbuhan pelancongan terpanjang di dunia. Dengan adanya konsensus negara-negara Asia Pasifik, prospek pelancongan di Asia Pasifik akan berjaya. Kawasan ini merupakan salah satu sasaran pelancongan yang semakin popular dan

terbukti dengan kadar peningkatan kunjungan pelancong yang pesat berbanding dengan kawasan lain.

Untuk menggalakkan pertumbuhan pelancongan, usaha promosi pelancongan perlu berterusan. Pada hakikatnya promosi merupakan satu bentuk komunikasi pemasaran sebagai satu usaha menyebarkan maklumat, mempengaruhi/memujuk serta mengingatkan sasaran pasaran agar bersedia menerima, membeli dan setia pada produk yang ditawarkan syarikat yang bersangkutan (Kotler, 2012) . Dengan adanya promosi, akan membuat pelancong tertarik untuk berkunjung ke destinasi pelancongan yang dipromosikan. Peningkatan pengunjung dapat mencipta peluang usahawan di bidang pelancongan.

Prestasi adalah satu ukuran atas pencapaian satu perusahaan kecil dan sederhana dalam satu tempoh waktu tertentu, dimana peluang adalah satu perkara yang menentukan perkembangan syarikat untuk tujuan meneruskan perkembangan dan keuntungan perniagaan. Peluang dan prestasi perusahaan kecil dan sederhana dapat dilihat dari peringkat jualan, tahap keuntungan, pulangan modal, perolehan dan pasaran yang diraihnya (Glueck & Jauch, 1993). Sementara itu, Kirsten, Marié, Rogerson, Christian (2002) menyatakan penyelidikan mereka bahawa peluang usaha juga ditentukan oleh penghubungan bisnis diantara perusahaan kecil dan besar.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pelancongan merupakan fenomena sosial yang menarik perhatian ahli ekonomi, politik, budaya, geografi, dan teknologi. Mereka menawarkan konsep-konsep baharu

dengan penonjolan perspektif tertentu, misalnya pelancongan sering disamakan sebagai satu industri kerana fenomena ini berkaitan dengan proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan dengan menggunakan teknologi tertentu. Dalam perspektif geografi pelancongan berkaitan dengan fenomena mobiliti penduduk yang secara spasial terjadi kerana perbezaan fungsi-fungsi ruang dan kandungannya bagi kehidupan pembangunan komuniti (William C.Gartner, 2004).

Sementara Sroma (2009) berpendapat bahawa pelancongan adalah salah satu industri yang mampu menyediakan pertumbuhan ekonomi yang cepat dalam memberi peluang pekerjaan, pendapatan, taraf hidup dan dapat meningkatkan sektor pengeluaran lain. Ini bererti bahawa kesan dari pembangunan pelancongan akan membawa kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan komuniti tempatan.

Kaitan antara pelbagai fenomena kehidupan komuniti dalam pelancongan akan dapat difahami dengan baik apabila berdasarkan kepada pendekatan interdisiplin dan transdisiplin dalam pembangunan komuniti pelancongan. Menurut Dennis (1995), ada tiga konsep penting yang digunakan secara serentak untuk mendefinisikan pelancongan, iaitu: pertama, pergerakan (spasial) penduduk; kedua, sektor ekonomi atau aktiviti yang menghasilkan barangan dan perkhidmatan; ketiga, satu sistem yang menjalin interaksi manusia.

Ketiga konsep tersebut menurut Steinhoff dan Burgers (1993), harus bersepadu untuk mencipta fenomena pelancongan. Dengan demikian pelancongan merangkumi aktiviti pelancongan yang dilakukan dan kegiatan yang memudahkan aktiviti tersebut. Penglibatan komuniti sangat diperlukan dalam merebut peluang yang ada untuk

melakukan eksploitasi sehingga menciptakan keuntungan yang dijanjikan. Dalam hal ini, tidak semua orang mampu melihat peluang.

Peluang adalah satu kesempatan berusaha yang bebas dan berdikari, yang tidak boleh dilepaskan dari pengetahuan, sikap dan gelagat. Oleh itu usahawan perlu diberi motivasi untuk mengambil peluang (Bentler & Speckart, 1979). Peluang berpunca dari beberapa faktor perubahan teknologi, seperti faksimili, e-mel, internet, dan telefon. Teknologi tersebut merupakan alat yang produktif untuk menghantar dan menerima maklumat untuk membolehkan usahawan meningkatkan produktiviti.

Indonesia sebagai satu negara yang berada di khatulistiwa dan mempunyai beribu-ribu pulau dan kekayaan alam serta kepelbagaian flora dan fauna. Keindahan alam pergunungan dan lautan, keindahan hutan rimba dan kehidupannya serta kelazatan makanannya ditambah dengan keramahan penduduknya dengan pelbagai adat dan budaya. Indonesia mempunyai potensi yang sangat besar untuk membangunkan industri pelancongan (Ohashi & Kholil, 1995). Menurut Roger (2000), peluang muncul kerana adanya :

- a. Masalah yang dapat dieksploitasi oleh usahawan.
- b. Keperluan manusia merupakan satu peluang yang boleh dipenuhi oleh usahawan.
- c. Keinginan manusia yang tidak terhad, baik dari jenis mahupun jumlahnya.
- d. Ide kreativiti usahawan.

Prospek pelancongan di masa hadapan berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh WTO menunjukkan peningkatan pelancong dari 1.046 billion pada tahun 2010 kepada 1.602 billion pelancong pada tahun 2020. Dari peningkatan jumlah tersebut dijangkakan 231 juta pelancong akan mengunjungi Asia Timur dan 438 juta

pelancong akan mengunjungi kawasan pasifik. Industri pelancongan mampu mencipta pendapatan berjumlah USD 2 trillion pada tahun 2020 (Setyanto, 2002). Jadual 1.1 dibawah menunjukkan jumlah pelancong dan pendapatan hasil dari industri pelancongan di Indonesia.

Jadual 1.1
Statistik Kunjungan Pelancong Di Indonesia 2003 – 2012

Tahun	Jumlah pelancong antara bangsa	Purata Pembelanjaan pelancong (USD)		Purata kunjungan (hari)	Pendapatan negara (million USD)
		Kunjungan	Harian		
2003	6 153 620	1053.36	100.42	10.49	5 396.26
2004	7 033 400	893.26	91.29	9.79	4 305.56
2005	6 467 021	903.74	93.27	9.69	4 037.02
2006	6 321 165	901.66	95.17	9.47	4 797.88
2007	7 002 101	904.00	99.86	9.05	4 521.89
2008	4 871 351	913.09	100.48	9.09	4 447.98
2009	5 505 759	970.98	107.70	9.02	5 345.98
2010	6 429 027	1178.54	137.38	8.58	7 377.39
2011	7 172 259	995.93	129.57	7.69	6 302.50
2012	8 044 462	1027.35	147.60	7. 70	7483.50

Sumber : Badan Pusat Statistik (BPS), 2012

Berdasarkan angka tersebut, usahawan pelancongan di Indonesia seharusnya melakukan rancangan yang matang dan terarah untuk mengambil peluang kearah keusahawanan. Pemanfaatan pembangunan usaha harus dilakukan melalui pendekatan komunikasi pemasaran. Komunikasi pemasaran yang baik dimulai dari sejak pelaburan awal, hendaklah merangkumi promosi, pembuatan poduk pelancongan,

penyiapan jaringan pemasaran antarabangsa dan penyiapan sumber daya manusia yang berkualitas.

Provinsi Banten ditetapkan mengikut Undang-Undang Nombor 23 Tahun 2002 tentang Pembentukan Provinsi Banten meliputi Daerah Lebak, Daerah Pandeglang, Daerah Serang, Daerah Tangerang, Bandar Tangerang, Bandar Tangerang Selatan, Bandar Cilegon dan Bandar Serang. Sebagai kawasan yang relatif masih sangat muda, Provinsi Banten menghadapi pelbagai cabaran, kurang membangun dan permasalahan ini sekaligus dilihat sebagai potensi yang boleh dimanfaatkan secara optimum.

Pelancongan Provinsi Banten mengikuti Instruksi Gubernur Banten (Ingub) No.1 tahun 2006 tentang polisi kebudayaan dan pelancongan yang merupakan penjelasan dari instruksi presiden No.16 tahun 2005 mengenai sokongan daripada kementerian berkaitan dengan pelancongan dan rancangan induk pelancongan daerah (Ripda) serta Perda No.9 tahun 2005 tentang pelancongan.

Provinsi Banten sangat berpotensi dan berdaya maju sebagai destinasi pelancongan. Lokasi Provinsi Banten yang strategik, berada di ujung barat Pulau Jawa dan bersempadan dengan Daerah Khusus Ibu Kota (DKI) Jakarta merupakan daerah lintasan Jawa-Sumatera. Ianya memiliki banyak produk pelancongan yang tidak terdapat di daerah lain. Selain dikenali dengan keunikan seni budaya dan mempunyai banyak tinggalan sejarah kejayaan negara islam di nusantara. Provinsi Banten juga kaya dengan aneka produk tarikan pelancongan, seperti pelancongan alam berupa pantai yang indah beserta kehidupan flora dan faunanya.

Potensi pelancongan yang dimiliki provinsi Banten dapat dijadikan sebagai satu perusahaan. Kekayaan sumber daya alam dan semula jadi di provinsi Banten belum dibangun secara optimal sebagai tujuan pelancongan. Untuk membangunkan potensi pelancongan dan memperluas sasaran pasaran bagi kegiatan UKM, maka sifat keusahawanan perlu diterapkan bagi usahawan. Usahawan UKM pelancongan di Provinsi Banten adalah sebanyak 922,227 usahawan (BPS, 2009). Jadual 1.2 menunjukkan produk pelancongan yang tersebar di Provinsi Banten.

Jadual 1.2
Produk Pelancongan Provinsi Banten

Produk pelancongan	Jumlah
Alam	84
Sejarah	34
Buatan	24
Kebudayaan	9
Kesenian	48
Jumlah	199

Sumber: Atep Afia, 2007

Potensi yang besar dari produk pelancongan belum melibatkan komuniti. Luas Provinsi Banten adalah 9,662.92 km² dengan penduduk seramai 11 005 518 orang (Provinsi Banten 2012). Majoriti penduduk beragama Islam dengan mata pencarian dari sektor pertanian, berniaga, industri dan perkhidmatan. Setiap Provinsi mempunyai ciri-ciri sumber pelancongan budaya, alam, buatan dan kehidupan komuniti tradisional yang berpotensi sebagai destinasi pelancongan berskala nasional bahkan antarabangsa, seperti pesona pantai Anyer, Carita dan Tanjung Lesung, Pulau Umang, Taman Nasional Ujung Kulon. Juga pelancongan keagamaan Banten Lama dan keunikan komuniti tradisional Baduy.

Jumlah produk daya tarikan pelancongan (ODTW) Provinsi Banten berdasarkan data tahunan (Dispudpar Banten, 2012) telah tercatat tujuan yang terbahagi kedalam beberapa kategori. Kategori tersebut adalah, pelancongan marina, pelancongan sejarah, suaka alam dan tujuan pelancongan yang lain. Jadual 1.3 menerangkan tentang wilayah pembangunan pelancongan (WPP) di Provinsi Banten.

Jadual 1.3

Wilayah Pembangunan Pelancongan (WPP) Provinsi Banten

NO	WPP A	WPP B	WPP C
1	Daerah Tangerang	Daerah Serang	Daerah Pandeglang
2	Bandar Tangerang	Bandar Cilegon	Daerah Lebak
3	Bandar Tangerang Selatan	Bandar Serang	

Sumber : Dispudpar Banten (2012)

Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan (Disbudpar) Provinsi Banten untuk tahun 2011 menganggarkan 125 000 kunjungan pelancong antarabangsa ke lokasi pelancongan di Banten. Untuk mencapai sasaran 125 000 kunjungan pelancong tersebut Disbudpar akan menyokong promosi pelancongan di empat sektor iaitu pertemuan, insentif dan konferen serta pameran. Sasaran pembangunan pelancongan di ketiga sektor tersebut dapat direalisasikan untuk menyokong peningkatan jumlah kunjungan pelancong antarabangsa. Khusus untuk sektor tersebut, Provinsi Banten akan dipromosikan sebagai pusat kegiatan musyawarah tingkat nasional serta pameran dan kegiatan-kegiatan berskala nasional lainnya.

Perkembangan perhotelan dan industri pelancongan di Provinsi Banten cukup signifikan dan membanggakan. Jika pada tahun 1999 jumlah hotel di Provinsi Banten hanya 127 buah hotel dengan 4 528 bilik. Pada tahun 2009/2010 jumlahnya melonjak menjadi 226 buah hotel dengan 9,970 bilik (Manuaba, 2006). Sedangkan, untuk sektor eko pelancongan dan pelancongan marin di Provinsi Banten masih

mengekalkan produk-produk pelancongan alam yang selama ini sudah menjadi produk pelancongan utama, seperti taman nasional Ujung Kulon, gunung Anak Krakatau, kebudayaan komuniti Baduy, pantai Anyer, pantai Carita, pantai Tanjung Lesung dan Banten Lama.

Berdasarkan data Disbudpar Provinsi Banten, tahun 2010 jumlah pelancong domestik yang datang ke Banten sebanyak 3 022 000 orang. Sedangkan pelancong antarabangsa seramai 117 000 orang. Pada tahun 2011 ini Disbudpar sendiri mensasarkan kenaikan sebanyak 10 peratus. Target pelancong antarabangsa, 2010, iaitu dari negara Eropah dan dari Asia seperti Jepun, Korea dan Malaysia.

Potensi pelancongan yang ada dapat membuka peluang bagi UKM, namun masalah yang dihadapi UKM untuk memaksimumkan potensi pelancongan di Indonesia adalah kemampuan merancang pembangunan dan membangunkan komunikasi pemasaran yang baik. Usaha UKM dari dahulu dipercayai sebagai penyumbang kepada ekonomi nasional.

Pertumbuhan UKM akan menimbulkan impak positif terhadap peningkatan jumlah tenaga kerja, pengurangan jumlah kemiskinan, keserataan pendapatan dan pembangunan ekonomi luar bandar. UKM perlu mendapat perhatian kerana tidak hanya memberikan penghasilan bagi sebahagian besar tenaga kerja Indonesia, namun juga merupakan tunjang dalam pengurangan kemiskinan (Kuncoro & Mudrajat, 2000).

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam konteks pelancongan, peranan pembangunan komuniti sangat penting untuk menjadikan industri pelancongan yang berterusan. Pearce (1992) menunjukkan bahawa pembangunan komuniti memberi peranan penting terhadap pelancongan, namun belum diberikan keutamaan utama dalam pembangunan pelancongan. Apa yang dikatakan oleh Pearce, mendapat sokongan kajian Kementerian kebudayaan dan pelancongan Indonesia (2003) mendapati bahawa penyertaan komuniti di destinasi pelancongan di Indonesia masih rendah. Padahal pelibatan komuniti dapat menciptakan kolaborasi atau perkongsian yang bertujuan memberikan keuntungan (Subramanyam, 1983).

Menurut pandangan Goldenberg (2006), pembangunan komuniti merujuk kepada kehidupan pada masa kini dan masa akan datang, ide terhad mengenai satu sumber yang dipengaruhi oleh teknologi dan organisasi sosial. Tetapi pembangunan di masa kini tidak memperhatikan aspek berterusan di masa datang. Pelancongan lebih dari sebuah kegiatan ekonomi, tetapi interaksi manusia yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan, kemudahan dan peluang. Oleh itu, diperlukan kemampuan menguruskan peluang pertumbuhan sektor pelancongan. Namun pengurusan pelancongan tidak mempunyai garis panduan yang jelas untuk memastikan peluang yang serasi (Hall, 2004).

Penyertaan komuniti dalam menawarkan produk pelancongan adalah kurang inovatif, akibatnya produk luar yang sejenis membanjiri pasaran tempatan (Porter, 2011). Produk-produk tersebut tidak dipromosikan oleh media promosi kepada

sasaran pasaran (Mowlana & Smith, 1993). Ketidakupayaan mengelola produk pelancongan membuka peluang bagi usahawan luar datang dan mengambilalih aktiviti pelancongan dan mengakibatkan usahawan tempatan tertinggal secara ekonomi (Jenkins, 2004).

Usahawan kecil dan menengah belum mampu mengambil peluang kerana belum memiliki kemampuan pengetahuan di bidang pelancongan, tidak melakukan perkongsian, belum memiliki kesedaran berkesatuan (Rahman, Irianty & Oktarina, 2012). Fenomena yang dibincangkan di atas menarik perhatian untuk dilakukan penyelidikan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dibincang diatas, maka inilah persoalan-persoalan yang perlu dijawab didalam kajian ini:

- a. Sejauhmana pengaruh pembangunan komuniti terhadap pengetahuan usahawan, sikap usahawan dan gelagat usahawan?
- b. Sejauhmana pengaruh pembangunan komuniti terhadap peluang usaha melalui aspek pengetahuan; sikap dan gelagat?
- c. Sejauhmana pengaruh pengetahuan, sikap, dan gelagat usahawan terhadap peluang usaha?
- d. Sejauhmana pengaruh langsung pembangunan komuniti terhadap peluang usaha?
- e. Apakah faktor - faktor yang dimiliki usahawan yang boleh mempengaruhi peluang usaha selain sikap, pengetahuan, gelagat?

1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertujuan :

- a. Mengkaji pengaruh pembangunan komuniti terhadap pengetahuan, sikap dan gelagat usahawan.
- b. Menganalisis pengaruh pembangunan komuniti terhadap peluang usaha melalui aspek pengetahuan; sikap dan gelagat usahawan.
- c. Mengetahui pengaruh pengetahuan, sikap, dan gelagat usahawan terhadap peluang usaha.
- d. Mengkaji pengaruh pembangunan komuniti terhadap peluang usaha.
- e. Mengenal pasti faktor - faktor yang mempengaruhi peluang usaha selain sikap, pengetahuan, gelagat usahawan.

1.5 Sumbangan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan sebagai berikut:

- a. Untuk kegunaan ilmu

Kajian ini diharapkan mampu melengkapi perbendaharaan karya ilmiah mengenai peluang bagi usaha kecil menengah di tujuan pelancongan dikaitkan dengan produk pelancongan, pembangunan komuniti pelancongan, dan campuran promosi.

- b. Untuk kegunaan praktikal

Untuk usahawan di bidang pelancongan diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan maklumat tentang peluang-peluang yang ada tetapi belum dimanfaatkan secara optimum oleh usahawan UKM. Disamping itu dari hasil kajian ini juga diharapkan akan diperolehi maklumat tentang bagaimana produk pelancongan, pembangunan

komuniti pelancongan dan campuran promosi yang diperlukan untuk mengoptimumkan peluang.

c. Untuk Provinsi Banten

Penyelidikan ini diharapkan sebagai pemangkin pembangunan provinsi Banten yang saat ini sedang membangun dalam semua bidang, khasnya tentang pembangunan pelancongan yang dapat membuka peluang bagi usahawan kecil menengah.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini membahas tentang pembangunan komuniti terhadap peluang usaha kecil dan menengah pada sektor pelancongan di Provinsi Banten. Adapun kajian ini terhadap pada ruang lingkup penyelidikan untuk pembolehubah bebas iaitu pembangunan komuniti terdiri dari: kolaborasi, promosi, produk pengganti, pengambilalihan, dan pembangunan lestari. Walaupun terdapat dua konsep pelancongan berterusan iaitu, konsep pembangunan komuniti dan pembangunan kualiti, tetapi kajian ini terhadap kepada pembangunan komuniti sahaja.

Adapun pembolehubah bersandar adalah peluang bagi usahawan kecil menengah di sektor pelancongan, sedangkan pembolehubah peranantara adalah :

- a. Pengetahuan merupakan sekumpulan maklumat untuk meramal dan bertindak.
- b. Sikap adalah respon seseorang untuk menyatakan keadaan positif dan negatif.
- c. Gelagat iaitu sesuatu yang berbeza dalam diri manusia

1.7 Organisasi Tesis

Bab I

Mengandung pengenalan; latar belakang kajian; pernyataan masalah; persoalan kajian; objektif kajian; kepentingan kajian; skop dan batasan kajian; organisasi tesis.

Bab II

Mengandung pengenalan; pembangunan pelancongan; pembangunan komuniti terdiri dari: kolaborasi, promosi, produk pengganti, pengambilalihan, pembangunan lestari; peluang usahawan kecil dan menengah sektor pelancongan terdiri dari: peluang usahawan, usahawan kecil dan menengah, produk pelancongan; pembolehubah perantara terdiri dari: pengetahuan, sikap, gelagat; kerangka teori kajian; operasionalisasi pembolehubah kajian.

Bab III

Mengandung pengenalan; kerangka penyelidikan; hipotesis; perancangan penyelidikan; definisi operasi; populasi dan persampelan; teknik pengumpulan data terdiri dari: soal selidik, kajian rintis, uji kesahihan soal selidik, keesahan soal selidik, pengamatan, kajian literatur; teknik analisis data terdiri dari: analisis statistik deskriptif, analisis statistik inferensial.

Bab IV

Mengandung pengenalan; analisis data terdiri dari: analisis statistik deskriptif yang mengandung usia, jantina, pendidikan, status perkahwinan, tanggungan, spesifikasi bidang usahawan, usia usahawan, kaki tangan, perolehan, keuntungan, modal awal, modal sekarang, tempat usaha; analisis inferensial yang mengandung: pembangunan komuniti terhadap pengetahuan, sikap dan gelagat usahawan, pembangunan komuniti terhadap pengetahuan usahawan, pembangunan komuniti terhadap gelagat usahawan, pembangunan komuniti terhadap peluang usaha melalui aspek pengetahuan, sikap, dan

gelagat usahawan, pengaruh pengetahuan, sikap dan gelagat usahawan terhadap peluang usaha produk pelancongan, pembangunan komuniti terhadap peluang usahawan,

Bab V

Mengandungi pengenalan, kesimpulan, cadangan yang terdiri dari cadangan teori, cadangan praktikal dan cadangan polisi.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Pembangunan komuniti pelancongan atau pelancongan berasaskan komuniti merupakan bentuk pelancongan yang bertujuan untuk memasukkan dan manfaat bagi komuniti tempatan dan penduduk desa terutama di selatan luar Bandar atau negara-negara membangun. Misalnya, penduduk desa mungkin menjadi tuan rumah pelancong di desa mereka. Ada pelbagai jenis pelancongan komuniti, dimana komuniti boleh bekerja dengan syarikat pelancongan. Projek pembangunan komuniti pelancongan harus lebih melibatkan komuniti untuk mendapatkan manfaat dan penglibatan mereka dalam membuat keputusan (Inskeep, 1990) .

Cabaran mewujudkan pelancongan berterusan berasaskan pembangunan komuniti memerlukan kemampuan komuniti yang bersungguh-sungguh, dilakukan penyertaan tempatan sebagai pendekatan yang lebih baik dibandingkan pendekatan terpusat (Butler, 1975). Munculnya proses penyertaan dalam rangka kemampuan komuniti berdasarkan kepada dua perspektif:

- a. Melibatkan komuniti tempatan dalam pemilihan, perancangan, dan pelaksanaan program yang akan mewarnai kehidupan;
- b. Penyertaan bertujuan untuk mengubah keadaan lemah kepada berdaya saing dan berdikari (Ryan, 1991).

Pihak yang berkepentingan hendaklah melibatkan penyertaan komuniti supaya semua dapat menikmati hasilnya bersama. Proses penyertaan dan pembudayaan komuniti berasaskan dua pendekatan:

- a. Terhadap pola sikap dan pola fikir serta nilai-nilai pengetahuannya;
- b. Pendekatan dimana timbal balas terhadap program yang dilaksanakan (Mikkelsen, 1999) yang bertujuan untuk meningkatkan potensi diri.

Penyertaan komuniti yang positif akan memperolehi hasil dari peningkatan pendapatan negara, peluang pekerjaan dan pemuliharaan sumber pelancongan (Smith, 1988). Konsep pelancongan yang berasaskan kepada pembangunan komuniti dapat diterapkan diperingkat Perancangan daerah atau nasional (Shunnaq, 2008). Menurut Welch & Mann (2001) peluang adalah maklumat baharu dan penting dalam menjelaskan satu kesempatan berusaha. Termasuk didalamnya perubahan teknologi, tekanan politik, faktor-faktor persekitaran makro dan kecenderungan sosial yang boleh digunakan usahawan untuk mendapatkan dan menggabungkan kembali sumber daya dalam bentuk yang lebih bernilai. Fakta seterusnya adalah perubahan politik dan dasar dimana dapat menjadi sumber peluang keusahawanan kerana perubahan tersebut membolehkan menggabungkan sumber agar lebih produktif. Konsep pelancongan yang berterusan merangkumi dua konsep iaitu:

- a. Konsep pelancongan yang berasaskan komuniti;
- b. Konsep pelancongan yang berdasarkan kepada kualiti (Tosun, 2001).

Verbeke dan Frank (1995) dalam satu penyelidikannya mengatakan bahawa pencapaian pembangunan pelancongan berterusan begitu mendesak bagi Vietnam untuk mendapatkan hasil luar negara dan kerana keterbatasan sumber daya dan

pengetahuan. Isu berterusan bergantung pada kemahuan politik dari Vietnam dan kemampuan dari sektor pelancongan untuk belajar dari negara-negara lain di kawasan yang telah mengembangkan jenis pelancongan yang berterusan. Sedangkan Tosun (2001) berpendapat bahawa prinsip-prinsip pembangunan pelancongan berterusan telah dibangunkan oleh negara-negara industri maju yang mengalami dasar dari tahap pra-industri abad terakhir dimana struktur yang lebih baik dari segi ekonomi, perundangan dan politik dibandingkan di negara sedang membangun. Oleh itu, pembangunan pelancongan berterusan memerlukan sistem pentadbiran komuniti dan pembahagian kekuasaan dan kekayaan.

Secara umum Conyers (1991) mengemukakan bahawa penglibatan komuniti dalam pelancongan adalah sangat penting. Penyertaan komuniti adalah alat yang berguna untuk mendapatkan maklumat mengenai keadaan, sikap, harapan, dan keperluan komuniti. Tanpa kehadiran komuniti maka program akan gagal. Penyertaan budaya transformasi merupakan cara sederhana yang dapat dilakukan dalam pembudayaan komuniti. Penyertaan ini berkaitan dengan rancangan besar yang berkaitan dengan kawasan pelancongan budaya. Penyertaan budaya instrumental diertikan sebagai alat operasi yang berkaitan dengan cara-cara menggabungkan persepsi, aspirasi, meformulakan perancangan, mengumpulkan sumber daya dan menguruskan pelaksanaan aktiviti dalam pembinaan pembudayaan komuniti dibidang pelancongan. Kedua-dua bentuk penyertaan tersebut baik transformasi atau instrumental diperlukan dalam membentuk ide-ide besar yang mampu memotivasi kesedaran untuk perubahan dalam kebudayaan pelancongan.

Pelancongan yang berasaskan pada pembangunan komuniti memperhatikan empat pertimbangan utama, iaitu aksesibiliti, pemeliharaan persekitaran (alam dan budaya), kemajuan ekonomi dan pengurusan yang berterusan (Lembeek, 1978); dimana masing-masing pertimbangan utama itu mengandungi empat isu pokok, iaitu:

- a. Aksesibiliti dengan isu keselarasan dan kebolehpercayaan;
- b. Perlindungan lingkungan dengan isu otentisiti dan keramahan;
- c. Kemajuan ekonomi dengan isu manfaat dan kitaran perniagaan;
- d. Pengurusan yang berterusan dengan isu tujuan dan kaedah.

Pembangunan pelancongan berasaskan komuniti dapat mewujudkan peluang perniagaan dengan memfokuskan produk atau perkhidmatan baharu berdasarkan keperluan yang belum dipenuhi dalam satu pasaran yang masih mengalami kelemahan untuk diberikan kekuatan sumber daya dan kemampuan mencipta satu ide yang menarik (Amit, 2009). Penciptaan peluang adalah pusat aktiviti dalam membangunkan keusahawanan yang memberikan dua sumbangan utama dalam proses memulakan usaha, iaitu wawasan dan keperluan masa depan pasaran serta penguasaan kawasan perniagaan (Pendek, Ketchen, Combs, Duane, 2009).

Charles and William (1976) melakukan satu kajian untuk menyelidik faktor-faktor pembentuk daya tarikan pelancongan. Kajian tersebut menghasilkan kriteria yang dapat dikelompokkan menjadi 5 faktor utama produk pelancongan, hasil kajian tersebut kemudian diterapkan dalam perancangan pelancongan Turki. Kelima faktor tersebut iaitu: alam, sosio-budaya, sejarah, kemudahan rekreasi, prasarana dan penginapan. Campuran pemasaran dalam pelancongan menjadi faktor penentu dalam memahami keperluan pasaran dan menghasilkan ide-ide yang tepat untuk

meningkatkan produk pelancongan dalam memenuhi permintaan pelancong. Kerangka campuran pemasaran yang tepat menentukan tujuan organisasi usahawan pelancongan dan menimbulkan imej yang baik.

2.1 Konsep Pembangunan Pelancongan

Pelancongan memiliki pelbagai erti (Smith , 1988). Mieczkowski (1981) berpendapat konsep pelancongan memiliki erti tersendiri. Sebagai contoh, bahawa pelancongan adalah komponen rekreasi, sementara Murphy (1985); dan Smith (1988) berpendapat bahawa pelancongan adalah entiti bisnis, sebagai perjalanan pelancong ke destinasi dan tinggal sementara. Jafari (1977) mendefinisikan pelancongan berdasarkan pada perspektif antropologi, iaitu kajian tentang manusia. Shaw dan Williams (1994) menyatakan pelancongan adalah literatur paling umum yang digunakan di banyak negara untuk menunjukkan pada motif satu perjalanan rekreasi, bercuti, kesihatan, pengajian, agama, olahraga, bisnis, keluarga, misi dan pertemuan. Konsep-konsep yang telah dibincangkan menunjukkan potensi sektor pelancongan. Pelancong yang melancong berharap mendapat khidmat yang cepat, cekap dan telus. Penciptaan teknologi baru mampu memenuhi permintaan mereka yang semakin meningkat. Walaupun terdapat beberapa konsep dan model yang boleh diambil kira dalam penyelidikan ini, penyelidik berpendapat bahawa model dibawah boleh dijadikan sebagai model asas dalam penyelidikan ini kerana ianya meliputi keseluruhan pembangunan pada destinasi pelancongan. Rajah 2.1 menunjukkan model pembangunan pelancongan tersebut:



Rajah 2.1
Model Pembangunan Pelancongan
 Sumber: Wray et all, 2010.

Dalam model pembangunan pelancongan ada tiga komponen utama iaitu Perancangan dan pengurusan destinasi lestari, pembangunan destinasi lestari dan pemasaran destinasi. Perancangan dan pengurusan destinasi yang lestari melibatkan penggunaan strategi-strategi dan amalan-amalan yang memudahkan pentadbiran dan pengurusan yang meliputi jenis gaya dan tahap pelancongan.

Pemasaran destinasi yang lestari merangkumi promosi destinasi dari dalam dan luar negara bagi menarik pelancong yang bersesuaian. Pengurusan pelancongan memberi kesan kepada ekonomi tempatan destinasi, sosial dan persekitaran fizikal yang memberi manfaat kepada semua pihak termasuk penduduk tempatan, usahawan, pemilik tanah dan pelancong pada masa kini dan masa akan datang. Prinsip-prinsip ini

boleh digunakan untuk semua destinasi pelancongan sama ada khusus atau arus perdana, luar bandar, pantai atau bandar.

Dalam bidang pelancongan, terdapat pelbagai definisi untuk pembangunan lestari (Butler, 1999). Organisasi perdagangan dunia (WTO, 2001) mentakrifkan pembangunan lestari sebagai pembangunan pelancongan yang memenuhi keperluan pelancong yang datang dan menjadi tuan rumah untuk masa kini dan masa depan. Ianya dijangka menjadi peneraju kepada pengurusan semua sumber termasuk keperluan ekonomi, sosial dan estetik yang boleh dipenuhi di samping mengekalkan keutuhan budaya, kepentingan proses ekologi, kepelbagaian biologi dan system sokongan hidup.

Pemasaran destinasi adalah proses komunikasi dengan pelancong yang berpotensi untuk mempengaruhi mereka memilih destinasi pilihan. Ianya akan meningkatkan niat untuk mengembara dan akhirnya memilih produk dan destinasi mereka. Pemasaran adalah sebahagian besar daripada proses pelaksanaan. Ianya adalah ertikulasi dan nilai komunikasi, visi dan ciri-ciri berdaya saing.

Smith (1988) dan Britton (1991) berpendapat pelancongan tidak perlu memiliki kerangka teori, kerana fenomena pelancongan tidak mempunyai masalah yang kompleks di bidang sosial dan budaya. Namun dewasa ini pelancongan dijadikan kajian berkaitan dengan literatur dan teori di sekitar pelancongan dengan mengadopsi dari cabang ilmu-ilmu sosial lain. Diantaranya geografi digunakan sebagai dasar bagi kajian pelancongan, dimana proses dinamik yang mendasari tujuan pelancongan boleh

difahami dengan menggunakan pendekatan seperti analisis spasial (Pearce, 1995; Johnston, 1997) .

Di sisi lain, Oppermann (1993) mengenal pasti ada enam bidang utama spesialisasi dari perspektif geografi dalam kajian pelancongan, iaitu spasial pasukan, spasial permintaan, pola gerakan dan arus serta impak pelancongan. Oppermann menunjukkan bahawa teori geografi telah tumbuh menjadi dua paradigma utama model diffusionist dan model ketergantungan. Kedua-duanya mengandungi pembangunan tempat dan ruang.

komuniti. Ertinya, pembangunan berterusan adalah usaha bersepadu dan terancang untuk mengembangkan kualiti hidup dengan cara mengatur penyediaan, pembangunan, pemanfaatan sumber daya secara berterusan (Goldemberg, 2007).

Hal tersebut hanya dapat terlaksana dengan sistem penyelenggaraan pemerintahan yang baik yang melibatkan penyertaan aktif dan seimbang antara negara, swasta, dan komuniti. Dengan demikian, pembangunan berterusan tidak sahaja berkaitan dengan isu-isu alam sekitar, tetapi juga isu demokrasi, hak asasi manusia dan isu lain yang lebih luas. Tak dapat dinafikan, hingga saat ini konsep pembangunan berterusan tersebut dianggap sebagai 'resipi' pembangunan terbaik, termasuk pembangunan pelancongan (Bruntland, 1987).

Pembangunan pelancongan yang berterusan dapat dikenali melalui prinsip penyertaan, usahawan, pemilikan tempatan, penggunaan sumber-sumber secara berterusan, tujuan komuniti, perhatian terhadap daya sokong, tanggungjawab, latihan dan promosi (Global Status Report on Local Renewable Energy Policies, 2009).

Komuniti mengawasi atau mengawal pembangunan pelancongan dengan ikut terlibat dalam menentukan visi pelancongan, mengenalpasti sumber-sumber yang akan dipelihara dan ditingkatkan, serta membangunkan tujuan-tujuan dan strategi-strategi untuk pembangunan dan pengurusan daya tarikan pelancongan. Komuniti juga harus mengambil bahagian dalam melaksanakan strategi-strategi yang telah disusun sebelumnya (Kinnon, 1986).

Para usahawan yang ikut serta dalam pembangunan pelancongan meliputi kelompok dan organisasi non pemerintah, kumpulan sukarelawan, pemerintah daerah, persatuan

pelancongan, persatuan perniagaan dan pihak-pihak lain yang berpengaruh dan berkepentingan serta yang akan menerima kesan daripada aktiviti pelancongan (Fandeli, 1995).

Pembangunan pelancongan harus menawarkan peluang pekerjaan yang berkualiti untuk komuniti tempatan. Kemudahan pelancongan seperti hotel, restoran, dan sebagainya. Seharusnya dapat dibangunkan dan dipelihara oleh komuniti tempatan. Beberapa pengalaman menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan bagi penduduk tempatan serta kemudahan akses untuk para peniaga / usahawan tempatan benar-benar diperlukan dalam mewujudkan pemilikan tempatan. Lebih lanjut, kaitan hubungan antara usahawan dengan komuniti tempatan perlu diusahakan dalam menggalakkan pemilikan tempatan tersebut (Nastiti dan Umilia, 2013).

Pembangunan pelancongan harus dapat menggunakan sumber-sumber dengan berterusan yang bermaksud kegiatan-kegiatannya harus mengelakkan penggunaan sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui secara berlebihan. Hal ini juga disokong dengan keberkaitan tempatan dalam tahap perancangan, pembangunan dan pelaksanaan sehingga pembahagian keuntungan yang adil dapat diwujudkan. Dalam pelaksanaannya, kegiatan pelancongan harus memastikan bahawa sumber daya alam dan buatan dapat dipelihara dan diperbaiki dengan menggunakan kriteria antarabangsa (Inskeep dan Edward, 1991).

Menurut Arison dan Akhmad (2006), tujuan-tujuan komuniti hendaknya harmoni antara pelancong, tempat dan komuniti tempatan dapat diwujudkan. Misalnya,

perkongsian dalam pelancongan budaya atau *cultural tourism* partnership boleh dilakukan mulai dari tahap perancangan, pengurusan, sampai pada pemasaran.

Evaluasi terhadap pembangunan pelancongan dapat merangkumi penyusunan pedoman, penilaian kesan kegiatan pelancongan serta pembangunan penunjuk-penunjuk dan batasan-batasan untuk mengukur kesan pelancongan. Garis panduan atau alat-alat bantu yang dibangun tersebut harus meliputi skala nasional, serantau dan tempatan (Pendit, 1999).

Perancangan pelancongan harus memberi perhatian yang besar pada kesempatan mendapatkan pekerjaan, pendapatan dan peningkatan kesihatan komuniti tempatan yang tercermin dalam polisi-polisi pembangunan. Pengurusan dan penggunaan sumber alam seperti tanah, air, dan udara harus menjamin sumber-sumber yang ada tidak dieksploitasi secara berlebihan (Henderson, 2006).

Pembangunan pelancongan memerlukan pelaksanaan program-program pendidikan dan latihan untuk membekalkan pengetahuan komuniti dan meningkatkan kemahiran perniagaan, vocational dan profesional. Latihan sebaiknya meliputi topik tentang pelancongan yang berterusan, pengurusan perhotelan, serta topik-topik lain yang relevan (Hall 2004).

Pembangunan pelancongan berterusan juga meliputi promosi identiti komuniti . Kegiatan-kegiatan dan penggunaan tanah tersebut seharusnya bertujuan untuk mewujudkan pengalaman pelancongan yang berkualiti yang memberikan kepuasan kepada pengunjung (Bater, 2001).

Pembangunan lestari merangkumi konsep tentang:

- a. Keperluan, iaitu segala sesuatu yang diperlukan manusia untuk kehidupan dan memperoleh kesejahteraan dan keselesaan;
- b. Teknologi, iaitu semua proses yang dilaksanakan dalam usaha untuk mewujudkan sesuatu secara rasional;
- c. Keupayaan, iaitu satu dasar seseorang yang dengan sendirinya berkaitan dengan pelaksanaan kerja secara berkesan atau sangat berjaya;
- d. Organisasi sosial, iaitu satu proses yang menyebabkan individu disosialisasikan dalam kelompok (Lindberg, Kreg, Hawkins & Donald. 1995).

Seckelmann (2002) mengatakan bahawa pembangunan lestari pada aspek pelancongan tempatan lebih sepadan untuk pembangunan sosial dan ekonomi lokal yang berterusan. Masih menurut Seckelmann (2002) pembangunan lestari dapat membentuk desa pelancongan dalam kerangka membantu dan memperbaiki proses ekonomi, sosial dan identiti melalui kemampuannya untuk meningkatkan pendapatan, mempertahankan budaya, menyalurkan peranan ekonomi dalam rumah tangga pedesaan dan mempromosikan positif serta citra ekologis.

2.4 Peluang Usahawan Kecil Dan Menengah Sektor Pelancongan

Peluang penting untuk dibahas sebagai awal dari ide dan berterusan usaha. Ada banyak peluang di sektor pelancongan yang belum diminati usahawan kecil dan menengah. Pelancongan memberikan peluang kepada komuniti untuk berniaga, perniagaan yang ada kaitannya dengan pelancongan tergantung dari kreativiti para

usahawan baik yang bermodal kecil mahupun besar untuk memberikan khidmat atau menawarkan produk yang sekiranya diperlukan oleh pelancong.

2.4.1 Peluang Usahawan

Menurut Welch dan Mann (2001) peluang adalah maklumat baharu dan penting dalam menjelaskan satu kesempatan berusaha. Termasuk didalamnya perubahan teknologi, tekanan politik, faktor-faktor persekitaran makro dan kecenderungan sosial yang boleh digunakan usahawan untuk mendapatkan dan menggabungkan kembali sumber daya dalam bentuk yang lebih bernilai. Fakta seterusnya adalah perubahan politik dan dasar dimana dapat menjadi sumber peluang keusahawanan kerana perubahan tersebut membolehkan rekombinasi sumber agar lebih produktif. Bahkan peranan pun boleh menjadi peluang dengan menyediakan peralatan peranan. Polisi juga boleh menumbuhkan minat keusahawanan. Peraturan ini penting kerana berkaitan perundangan sebuah syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Waterman (1989) meunjukkan hal tersebut. Sementara itu, Holloway (1999) mengatakan bahawa peluang keusahawanan adalah satu cara baharu membuat inovasi berdasarkan maklumat yang telah tersedia. Terdapat empat aspek organisasi pelancongan yang baik, iaitu: kepribadian, motivasi, penilaian diri dan ciri-ciri kognitif (Steinhoff & Burgers, 1993).

Shane (2003) menyatakan bahawa peluang adalah awal satu ide untuk melakukan eksploitasi peluang sehingga menciptakan keuntungan yang menjanjikan. Dalam hal ini, tidak semua orang mampu melihat peluang. Terdapat beberapa ciri-ciri cara

mengorganisasikan peluang. Oleh kerana dapat dikelompokkan ke dalam empat aspek ciri-ciri, iaitu: kepribadian, motivasi, penilaian diri dan ciri-ciri kognitif.

Peluang adalah sebuah kesempatan yang tidak boleh dilepaskan dari pengetahuan, sikap, dan gelagat dalam kerangka memasukkan unsur dan asas manfaat dalam mengambil keadaan yang di tawarkan baik tawaran terhadap sebuah aktiviti perniagaan yang pantas dan keuntungan yang boleh diambil (Bentler & Speckart, 1979).

Peluang juga tidak boleh dilepaskan dari adanya faktor bekerjasama. Bekerjasama bererti bekerja secara bersama-sama dalam mengerjakan sesuatu dan mencapai satu tujuan. Berkongsi dibentuk kerana adanya dua orang atau lebih yang berperkongsi untuk mencapai satu keinginan atau tujuan yang mereka ingin capai (Pessemier, 1977).

Peluang juga tidak boleh dipisahkan dari konsep rangkaian usaha iaitu: sistem pengawasan dan jaringan kerjasama (Burgess, 1993) yang mendedahkan identiti dengan pola. Secara umum terdapat empat jenis rangkaian usaha, antara lain: Rangkaian yang meningkatkan kecekapan dalaman. Rangkaian untuk mengembangkan ekonomi. Secara teori ekonomi, usaha besar akan memperoleh keuntungan dengan pengurusan ekonomi - kemampuan menyebarkan yuran tinggi dari pentadbiran yang moden, kos dan aktiviti melalui perniagaan yang besar. Rangkaian untuk meningkatkan kedudukan tawar kepada akses pasaran. Jelas sekali akan terjadi perluasan kerana adanya peningkatan skala usaha. Rangkaian yang luas bererti juga meningkat (David, 1985).


Michelacci and Silva (2007), usahawan tempatan dapat maju secara signifikan jika diberi pengetahuan tentang keusahawanan, teknologi dan pengelolaan modal. Tujuan penyelidikan adalah mendapatkan gambaran bahawa pengusaha lokal yang diberi teknologi padat modal dan penanaman modal yang baik akan dapat meningkat dengan baik. Kaedah yang digunakan iaitu mengukur perbezaan karakter pengusaha lokal dengan nasional dan pekerja diantara keduanya dalam semua regresi. Hasil yang didapat pengusaha yang mendirikan bisnis mereka di lokasi dimana mereka lahir adalah jauh lebih tinggi keberhasilannya, dibandingkan dengan pengusaha pendatang, perbezaan ini disebut membias keusahawanan lokal. Pembiasan yang terjadi tetap tidak berubah ketika kita terhad terhadap bisnis baru.

2.4.2 Usahawan Kecil dan Menengah (UMK)

UMK dapat dikumpulkan menjadi empat kelompok. Pertama, *Livelihood Activities*: Merupakan UKM yang digunakan sebagai kesempatan kerja untuk mencari nafkah, yang lebih umum dikenali sebagai sektor informal. Contoh: pedagang kecil. Kedua *Micro Enterprise*: UKM memiliki sifat kerajinan tetapi belum mempunyai sifat keusahawanan. Ketiga *Small Dynamic Enterprise*: merupakan UKM yang telah memiliki jiwa keusahawanan dan mampu menerima pekerjaan subkontrak dan eksport. Keempat *Fast Moving Enterprise*, merupakan UKM yang telah memiliki jiwa keusahawanan dan akan melakukan transformasi menjadi Usaha Besar (Porter & Inichael, 1990).

Saat ini, semua usahawan tidak boleh mengelakkan iklim persaingan untuk menjadi yang terdepan. Berbicara tentang persaingan antara usahawan, tentu saja dituntut

untuk memiliki daya saing yang tinggi. bertanda dengan kemampuan sumber daya manusia (SDM) yang boleh dipercayai, penguasaan pengetahuan yang tinggi, dan penguasaan ekonomi global. Daya saing UKM dapat dilihat pada Jadual 2.4 berikut ini



Rajah 2.4
Daya Saing UKM
 Sumber: Thomas K, 1999

Telah banyak definisi yang dikemukakan oleh para ahli akademik mengenai definisi UKM. Laporan The Bolton (Krake, 2005) merupakan formulasi awal yang mengungkapkan secara jelas mengenai definisi usaha kecil. Menurut Krake, UKM merupakan satu usaha yang menggaji tenaga kerja tidak lebih dari 250 orang. Kesatuan Eropah mengklasifikasikan UKM menjadi 3 (tiga) kategori usaha meliputi: syarikat mikro dengan tenaga perkongsian atau kurang dari 10 orang, syarikat kecil dengan tenaga kerja lebih dari 10 hingga 50 orang, syarikat menengah dengan tenaga kerja lebih dari 50 hingga 250 orang. Kakisina (2002) membezakan UKM dengan usaha mikro. Usaha mikro secara normal dimiliki oleh keluarga dan dikerjakan sendiri oleh pemilik, kebanyakan beroperasi pada sektor informal.

Disiplin kajian UKM berasaskan luas dalam kajian baik bidang pengurusan, pemasaran dan keusahawanan. Ketika hal tersebut diperdebatkan bahawa UKM merupakan ciri / usaha unik yang berbeza pada aspek pemasarannya berbanding dengan syarikat besar. Oleh kerananya Naisbitt (1997) menyatakan pelancongan sebagai industri terbesar di dunia. Sekitar 8% dari eksport barangan dan perkhidmatan, pada umumnya, berasal dari pelancongan. Menurut Gartner (2004) di Asia Tenggara pelancongan menyumbang dapata negara sebanyak 10-12% dari DGP dan 7-8 peratus dari total employment. Gartner (2004) menyatakan bahawa: memasuki abad kedua puluh satu tradisi pendekatan atribut khas untuk pembangunan pelancongan pedesaan tetap dilanjutkan meskipun ada tanda-tanda kejemuan pasar untuk banyak produk pelancongan. Sisi permintaan penyelidikan pada umumnya telah diabaikan dalam praktikal produk pembangunan pelancongan kecuali permintaan dapat dikaitkan dengan atribut tertentu. Permintaan untuk pelancongan berbasikal pedesaan akan terus meningkat. Pertumbuhan pelancongan dapat lambat meskipun tekanan ekonomi memaksa tujuan yang lebih pedesaan untuk mempertimbangkan pembangunan pelancongan lanjut sehingga meningkatkan pasokan produk desa pelancong dan kompetisi bagi yang tersedia.

Membangkitkan semangat usahawan bukanlah hal yang mudah bagi kita semua, kerana semangat usahawan itu sendiri harus dimulai dari diri sendiri. Maka untuk mengatasi masalah ini pengetahuan usahawan yang rendah perlu diberikan stimulasi melalui pelatihan dan bantuan teknis dari negaradan usahawan besar maupun dari usahawan UKM yang berjaya. Di sisi lain kemampuan usahawan terutama usahawan UKM untuk melaksanakan promosi masih rendah, untuk itu diperlukan bantuan negara dalam memfasilitasi kegiatan promosi. Eric (1999), definisi UKM adalah

berbeza-beza, dari usaha berskala kecil, skala industri kecil dan menengah, technopreneur dan usahawan secara meluas dikalangan menengah dengan ciri-ciri inovatif dan komited untuk mencipta nilai tambah melalui pelbagai strategi dengan menggunakan sistem baharu untuk membangunkan atau menggunakan kekayaan intelektual.

Definisi usahawan dalam UKM diertikan secara berbeza oleh para ekonomi, sosiologi, psikologi, ahli akademik dan cendekiawan. Istilah dan konsep usahawan masih sangat banyak diperdebatkan (Williams, 1994). Termasuk diantaranya, UKM disebutkan agen perubahan ekonomi (Dennis, 1982) yang sepenuhnya adalah industri baharu dalam rangka menciptakan momentum baharu dalam ekonomi melalui inovasi secara radikal (APEC 2002).

Sedangkan menurut literatur sebelumnya, (Rodniguez & Sandeem, 2001) menggambarkan UKM sebagai individu yang memanfaatkan peluang dan mencipta perubahan. keusahawanan UKM, selalu datang bersama dengan inovasi, dan merupakan faktor penting bagi ekonomi (BPS, 2007). Ini adalah bentuk disiplin yang diterapkan banyak kerajaan dalam mencipta pendapatan.

UKM adalah bentuk mekanisme untuk membawa keluar sisi baharu dan inovasi ke tempat pasaran. Hubungan tertutup dengan pelanggan dan pemahaman tentang keperluan mereka membuat mereka sangat responsif terhadap pasaran. Mereka adalah pempopor yang pertama untuk mempelajari perubahan dalam keutamaan yang akan mempengaruhi pasaran (Gujarati, 1995).

Usahawan UKM adalah usahawan yang siap mengambil risiko. Oleh itu gambaran fungsi UKM adalah untuk mereformasikan atau merevolusi pola pengeluaran dengan memanfaatkan kemungkinan teknologi untuk menghasilkan produk lama atau baharu dengan cara baharu, membuka sebuah potensi baharu atau sumber-sumber bekalan bahan atau outlet baharu untuk produk (Zimmer & Norman, 2002).

Jadual 2.1

Ragam Pengertian Umum Usaha Kecil Dan Menengah Di Indonesia

Lembaga	Istilah	Pengertian Umum
UU. No. 9/95 Tentang Usaha Kecil BPS	Usaha Kecil	Aset < = Rp 200 juta tidak termasuk tanah dan bangunan Perolehan < = Rp 1 miliar / tahun
	Usaha Mikro	Pekerja < 5 orang termasuk tenaga kerja keluarga
	Usaha Kecil	Pekerja 5 - 19 orang
	Usaha Menengah	Pekerja 20 – 99 orang
Menteri Negara Koperasi dan UKM	Usaha Kecil	Aset < Rp 200 juta diluar tanah dan bangunan, Perolehan < Rp 1 miliar / tahun dan Bebas
	Usaha Menengah	Aset > 200 juta, Perolehan : Rp 1 – 10 miliar per tahun
Bank Indonesia	Usaha Mikro	Dijalankan oleh rakyat miskin atau dekat miskin, bersifat usaha keluarga, menggunakan sumber daya lokal, menerapkan teknologi sederhana, dan mudah keluar masuk industri.
	Usaha Kecil	Aset < Rp. 200 juta, Perolehan < Rp 1 miliar Untuk kegiatan industri, aset < Rp 5

Lembaga	Istilah	Pengertian Umum
Bank Dunia	Usaha Menengah	miliar, untuk lainnya (termasuk jasa) aset < Rp 600 juta diluar tanah dan bangunan, Perolehan < Rp 3 miliar per tahun.
	Usaha Mikro	Pekerja < 10 orang, Aset < \$ 100.000 dan Perolehan < \$ 100.000 per tahun
	Usaha Kecil	Pekerja < 50 orang, Aset < \$ 3 juta dan perolehan < \$ 3 juta per tahun
	Usaha Menengah	Pekerja < 300 orang, Aset < \$ 15 juta dan Perolehan < \$ 15 juta per tahun.

Sumber : Ubah Suai (2012)

UKM juga boleh ditakrifkan sebagai orang yang bekerja sendiri atau dia adalah pemilik perniagaan atau pengurusan (WTO, 2001). Orientasi pasaran dan pemasaran mesti menjadi fokus perhatian UKM. Oleh itu UKM mesti menciptakan peluang pekerjaan (Kuezmarski, 1981). Dengan cara mempertahankan keuntungan supaya lebih kompetitif dan mempertahankan pelanggannya, kos perlu diminimalkan supaya dapat bersaing dalam dunia usaha. Porter dan Inichael (2004) berpendapat bahawa:


- a. Potensi produk tradisional yang dihasilkan UKM dapat dibina sebagai produk pelancongan;
- b. bentuk produk tradisional tersebut merupakan produk utama yang perlu ditambah dengan hadirnya perkhidmatan untuk membuatnya lebih diminati dan mampu meningkatkan tahap kepuasan pelanggan;
- c. Negara sebagai pembuat polisi, berperanan aktif dalam kegiatan promosi untuk produk-produk tradisional;
- d. Peningkatan kualitas produk UKM diperlukan sebagai satu cara untuk menyampaikan keunggulan yang dapat memberikan kepuasan yang maksimum.

UKM boleh dipercayai, seperti yang diungkap oleh Behrouz (2007), sebagai berikut: UKM dapat masuk ke dalam pasaran antarabangsa dan mengarah ke pertumbuhan yang berterusan dan memudahkan ekonomi negara dan global. Dalam usaha untuk menyokong hasil ini, perlu diusahakan pengalaman dalam rangka memudahkan memasuki, bertahan hidup, dan maju di pasaran global. Untuk mengatasi cabaran ini usahawan kecil dan menengah perlu diperkenalkan pada media rangkaian dan sistem antarabangsa.

Selanjutnya menurut Behrouz (2007) perlu direka panduan pelaksanaan perniagaan. Untuk mencapai tujuan ini, penulis telah menyelidik pengurus perusahaan kecil dan menengah antarabangsa di sektor maklumat dan teknologi komunikasi Iran. Model yang dihasilkan berdasarkan pada ontologi model perniagaan dan mencadangkan rangkaian amalan-amalan terbaik termasuk produk-produk, pelanggan, pengurusan infrastruktur dan aspek kewangan. Selain itu dengan mencadangkan sebuah media untuk berkongsi amalan terbaik yang berkaitan, hasilnya adalah timbulnya keunggulan teori global yang lahir dari usaha kecil dan menengah.

2.5 Teori Pembolehubah Perantara

Pemboleh ubah adalah konsep yang jelas maknanya dan dapat diukur dengan tepat. Sedangkan pembolehubah perantara adalah pemboleh ubah yang menjadi pengantara antara dua pemboleh ubah yang berkaitan. Dalam hal ini konsep yang digunakan memakai model Ajzen dan Fishbein (1980), rajah 2.5.



Rajah 2.5
Model Ajzen dan Fishbein
 Sumber: Haan dan Horst (1985)

Mengikut model tersebut dikatakan Ajzen dan Fishesbein (1980) tingkah laku disebabkan oleh perubahan dalam (1) kepercayaan menjalankan tugas dengan baik dan / atau (2) kepercayaan seseorang yang sama dengan orang lain kemudian hal ini mempengaruhi perubahan atau norma subjektif yang sama pula.

2.5.1. Pengetahuan

Davenport and Prusak (1998) mendefinisikan pengetahuan sebagai campuran dari pengalaman, nilai, informal kontekstual. Pengetahuan dimiliki dan dilaksanakan dalam fikiran pemilik pengetahuan. Di syarikat, pengetahuan sering berkaitan tidak saja pada dokumen atau tempat simpanan dokumen, tetapi juga pada rutin organisasi, proses, amalan dan norma syarikat. Berdasarkan definisi tersebut, pengetahuan menjadi sangat penting dengan alasan sebagai berikut:

- a. Pengetahuan adalah aset institusi, yang menentukan jumlah kaki tangan, maklumat, kemahiran, dan struktur organisasi yang diperlukan.

- b. Pengetahuan dan pengalaman syarikat merupakan sumber kuasa yang berterusan yang memberikan keuntungan daya saing berbanding dengan produk andalan dan teknologi moden yang dimiliki.
- c. Pengetahuan dan pengalaman mampu mencipta, menyampaikan dan mengaplikasikan segala sesuatu yang berkaitan untuk mencapai tujuan perniagaan.

Drucker (1998) menyatakan bahawa pengetahuan sebagai maklumat yang mengubah sesuatu atau seseorang, hal itu berlaku ketika maklumat tersebut menjadi asas untuk bertindak, atau ketika maklumat tersebut membolehkan seseorang atau institusi untuk mengambil tindakan sebelum ini. Sehingga pengetahuan dapat diertikan sebagai maklumat yang boleh ditindaklanjuti atau maklumat yang boleh digunakan sebagai asas untuk bertindak, untuk mengambil keputusan dan untuk menempuh arah atau strategi tertentu. Hal ini sesuai dengan pernyataan Ramona (2008) bahawa dalam melakukan usaha pelancongan, usahawan dituntut untuk memiliki pengetahuan tentang bagaimana cara memberikan maklumat dan mengantisipasi keperluan pelancong.

Berdasarkan huraian di atas diketahui bahawa pengetahuan memiliki peranan yang penting bagi usahawan, seperti dikemukakan oleh McLeod, Vaughan and Edwards (2010), bahawa pengetahuan dapat digunakan untuk lebih memahami sumber daya alam yang menunjang sektor sektor pelancongan. Hal ini diperkuat oleh pernyataan Maestro dan Benito (2011), bahawa ada pengaruh dari pengetahuan (pendidikan dan pengalaman) terhadap prestasi usahawan. Salah satu upaya yang dapat dilakukan untuk dapat meningkatkan pengetahuan usahawan pelancongan dapat dilakukan

melalui kegiatan pelatihan yang sesuai dengan pengetahuan yang diperlukan (Wells, 2012).

Hasil penyelidikan Ghalibi, al-Amiri, Mohsen (2007), menunjukkan bahawa cabaran yang paling penting dan tentangan yang dihadapi penggunaan metod dan program moden untuk pengurusan pengetahuan adalah perancangan yang buruk dan kurangnya anggaran. Oleh itu diperlukan inisiatif dan pengurusan pencadangan dengan cara mengubah perekonomian menjadi ekonomi berlandaskan pengetahuan (Abu Eid, 2007). Hal ini diperkuat oleh hasil penyelidikan Hassan (2008), bahawa tingkat pemahaman konsep pengurusan pengetahuan dapat meningkatkan nilai tambah pendidikan yang berguna bagi usahawan. Namun hasil penyelidikan Saidi (2009), menunjukkan bahawa masih ada usahawan yang memiliki pengetahuan akan tetapi tidak digunakan sebagaimana ianya, sehingga diperlukan pengurusan pengetahuan dalam kegiatan pentadbiran seperti mengambil keputusan merungkai masalah, perancangan dan pengajian. Pengurusan pengetahuan yang benar akan mendorong kerjasama. Hal ini diperkuat dengan tingkat pengetahuan dan sikap usahawan di sektor pelancongan memiliki hubungan yang signifikan dengan peluang usaha.

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa :

- a. Pengetahuan usahawan dapat digunakan untuk mengakses prestasi dan tujuan usaha.
- b. Kualiti sarana dan prasarana serta teknologi komunikasi di syarikat akan meningkatkan pengetahuan usahawan sehingga prestasi syarikat akan lebih tinggi.
- c. Perkembangan teknologi komunikasi memungkinkan syarikat untuk mencapai prestasi untuk membantu dalam ekspansi, penegakan undang-undang dan cabaran.

- d. Industri pelancongan yang melayani jutaan orang dapat mengambil keuntungan berdasarkan pengetahuan yang dimilikinya dari prestasi pada pematuhan permintaan pelancong.
- e. Pengetahuan merupakan unsur dasar dalam kegiatan pelancongan yang tidak dapat diabaikan (Al Saleem dan Al-Juboori, 2012).

2.5.2 Sikap

Katz (1960) mendefinisikan sikap sebagai kecenderungan individu untuk mengenal pasti beberapa simbol atau objek atau aspek dengan cara yang menguntungkan atau tidak menguntungkan. Sikap meliputi perasaan inti dari keinginan atau sesuatu yang tidak disukai atau keyakinan yang menggambarkan hubungan diantaranya. Pengalaman masa lalu yang positif menumbuhkan keyakinan tentang suatu tujuan tertentu. Pengalaman sebelumnya juga membantu pembentukan pengetahuan dan perubahan kerangka pikir pada saat sikap terbentuk (Fishbein dan Ajzen, 1975).

Menurut Allport (1954), komponen-komponen pokok dari sikap merangkumi:

- a. Kepercayaan, ide dan konsep terhadap satu tujuan;
- b. Kehidupan emosional atau penilaian emosional terhadap satu tujuan;
- c. Kecenderungan untuk bertindak.

Ketiga komponen ini secara bersama-sama membentuk sikap. Pernyataan ini diperkuat oleh Olson dan Zanna (1993), bahawa ketiga komponen sikap tersebut dapat diaktifkan secara otomatis.

Dalam penentuan sikap, pengetahuan, pemikiran, kepercayaan dan emosi memainkan peranan penting. Sedangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap adalah:

- a. Pengalaman pribadi, iaitu apa yang telah dan sedang kita alami akan ikut membentuk dan mempengaruhi penghayatan kita terhadap stimulus sosial;
- b. Pengaruh orang lain yang dianggap penting, orang lain di sekitar kita merupakan salah satu diantara komponen sosial yang ikut mempengaruhi sikap kita. Seseorang yang dianggap penting, seseorang yang kita harapkan persetujuannya bagi setiap gerak, tingkah dan pendapat kita, seseorang yang tidak ingin kita kecewakan atau seseorang yang bererti khas bagi kita akan mempengaruhi pembentukan sikap kita terhadap sesuatu;
- c. Pengaruh kebudayaan, dimana kita hidup dan dibesarkan mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan sikap kita;
- d. Media massa, sebagai sarana komunikasi, pelbagai bentuk media massa seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan lain-lain mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan pendapat dan kepercayaan. Adanya maklumat baharu mengenai sesuatu hal memberikan landasan kognitif bagi terbentuknya sikap terhadap hal tersebut;
- e. Pendidikan dan institusi agama, sebagai satu sistem mempunyai pengaruh dalam pembentukan sikap kerana kedua-duanya meletakkan dasar pengertian dan konsep moral dalam diri individu;
- f. Pengaruh faktor emosi, tidak semua bentuk sikap dipengaruhi oleh situasi persekitaran dan pengalaman pribadi seseorang, kadang-kadang sesuatu bentuk sikap merupakan kenyataan yang didasari oleh emosi yang berfungsi yang berfungsi sebagai penyaluran kecewa atau alihan bentuk mekanisme pertahanan ego. (Allport, 1954).

Menurut Assael (1984) bahwa pengembangan sikap terjadi dari waktu ke waktu melalui proses pembelajaran dan digunakan untuk menilai beberapa alternatif yang tersedia sebelum membuat keputusan untuk situasi tertentu. Perubahan sikap usahawan yang berhubungan dengan pelancongan telah diselidiki oleh Gomez dan Jacinto (1999), Milman (1990), Nyaupane (2008), Pizam (1991), dimana pembentukan sikap berfungsi sebagai literatur sosial-psikologi. Phillips dan Jang (2008) menyelidiki bagaimana sikap dipengaruhi dua komponen, yaitu kognitif dan afektif dalam pencapaian tujuan. Hasilnya menunjukkan bahawa komponen afektif memiliki dampak langsung terhadap sikap pelancong. Sikap memberikan kerangka acuan untuk mengenal pasti suatu peristiwa (Katz, 1960). Menurut Daruwalla dan Darcy (2005), media memainkan peranan cukup penting dalam pembentukan sikap. Esper dan Rateike (2010) mengatakan sikap memiliki hubungan antara kognitif dan afektif. Kedua hubungan tersebut akan menimbulkan motivasi, persepsi dan emosi yang berbeza dalam memandang promosi pelancongan yang akan mendorong orang untuk melakukan perjalanan. Sikap terbentuk dari pengalaman, baik secara langsung mahupun hasil pemerhatian. Ketentuan sosial yang berlaku mempunyai pengaruh kuat pada sikap. Peranan sosial berkaitan dengan bagaimana orang-orang diharapkan untuk bersikap dalam konteks tertentu. Suatu sikap dianggap tepat jika sesuai dengan nilai masyarakat.

Perubahan sikap seseorang biasanya terjadi dalam dua cara. Pertama, perubahan motivasi yang mengarah kepada perubahan yang kedua, yakni pergeseran sikap. Perubahan ini mungkin dipengaruhi oleh karakteristik yang mengarah ke pergeseran sementara atau permukaan dalam sikap. Perubahan sikap dapat pula terjadi ketika

keyakinan yang dipilih ternyata tidak sesuai, oleh itu terjadi pergeseran sikap (Smith dan Mackie, 2007).

2.5.3 Gelagat

Alwisol (2005) mengungkapkan gelagat adalah sebuah unsur dalam diri manusia. Gelagat yang baik akan menghasilkan kejayaan. Kalau kita boleh memperlakukan diri kita dengan baik, maka hubungan sosial kita akan baik. Sedangkan gelagat yang tidak baik akan timbul beberapa persoalan. Setiap orang adalah peribadi yang unik. Setiap orang mempunyai gelagat nya masing-masing. Kita perlu mengetahuinya agar dapat memberikan respon dengan tepat. Manusia memang berbeza, tapi perbezaan itu boleh dikenali. Teori gelagat adalah untuk meramalkan dan memahami pengaruh-pengaruh motivasional terhadap gelagat yang bukan di bawah kawalan atau kemahuan individu sendiri. Untuk mengenalpasti bagaimana dan kemana mengarahkan strategi-strategi untuk perubahan gelagat dan juga untuk menjelaskan pada tiap aspek penting beberapa gelagat manusia seperti mengapa seseorang membeli kereta baharu, memilih seorang calon dalam pilihan raya, mengapa tidak masuk kerja atau mengapa melakukan hubungan pranikah. Teori ini menyediakan satu kerangka untuk mempelajari sikap terhadap gelagat.

Berdasarkan teori tersebut, penentu terpenting gelagat seseorang adalah niat untuk bergelagat. Niat individu untuk memaparkan satu gelagat adalah kombinasi dari sikap untuk memaparkan gelagat tersebut dan nilai subjektif. Sikap individu terhadap gelagat meliputi kepercayaan mengenai satu gelagat, penilaian terhadap hasil gelagat, norma subjektif, kepercayaan-kepercayaan normatif dan motivasi untuk patuh. Jika

seseorang mempersepsi bahawa hasil dari memaparkan satu gelagat tersebut positif, ia akan mempunyai sikap positif terhadap gelagat tersebut. Yang sebaliknya juga boleh dinyatakan bahawa jika satu gelagat difikirkan negatif.

Sudarmiatin (2009) melakukan penyelidikan tentang model gelagat pelanggan dalam perspektif teori dan empiris pada jasa pelancongan menggunakan kaedah kuantitatif, sedangkan analisis data dilakukan dengan teknik *Structural Equation Modelling* (SEM). Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa :

- a. Atribut pelancongan alam berpengaruh positif dan signifikan terhadap jenama dan pengambilan keputusan;
- b. Promosi tidak berpengaruh baik terhadap jenama pelanggan maupun terhadap pengambilan keputusan;
- c. Karakteristik individu berpengaruh positif dan signifikan terhadap jenama dan pengambilan keputusan berkunjung;
- d. Jenama berpengaruh terhadap pengambilan keputusan berkunjung. Hasil penyelidikan terakhir ini menunjukkan bahawa sebagai pembolehubah pengantara, peranan jenama dalam hal ini adalah menjadi mediasi antara pembolehubah atribut, karakteristik pelanggan dan promosi. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa segala upaya untuk mendorong pelancong usahawan berkunjung ke destinasi pelancongan diarahkan kepada pembentukan *jenama*, kerana dapat memotivasi pelancong usahawan untuk berkunjung ke destinasi pelancong.

Kuratko, Ireland, Covin, Hornsby (2005) mengatakan bahawa keusahawanan korporasi dan proaktif merupakan keusahawanan melalui gelagat yang dipraktikan

dalam organisasi yang didirikan untuk sejumlah tujuan. Tujuan penyelidikan adalah untuk mengetahui tindakan keusahawanan, yang menggambarkan gelagat keusahawanan dan hasil dari gelagat yang disertai faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kaedah yang digunakan adalah penyelidikan toeritis. Hasil yang didapat adalah proses peusahawanan adalah proses mengenalpasti dan memahami faktor-faktor yang mendorong keberhasilan.

Tasci dan Boylu (2010) menyebutkan bahawa gelagat usahawan berkaitan dengan kebersihan, kesihatan, keselamatan dan keamanan berpengaruh terhadap peluang usaha. Sementara itu Saraithong dan Chancharoenchai (2011) menyatakan bahawa memahami gelagat pelancong dapat memberikan maklumat mendalam dan akan membuka peluang usaha. Sedangkan Munif dan Hilmi (2012) berpendapat bahawa untuk memahami gelagat usahawan pelancongan mesti dilihat dari bagaimana mereka mengeksplorasi perilaku inovatif sebagai tanggapan terhadap peluang usaha.

Selain gelagat usahawan pelancongan, gelagat pelancong juga berhubungan erat dengan keinginan pelancong untuk mengunjungi kembali suatu destinasi pelancongan (Baker & Crompton, 2000). Hal ini menunjukkan bahawa kesetiaan adalah salah satu unsur yang paling berguna ketika menilai strategi pemasaran usahawan pelancongan (Engel, Blackwell, & Miniard, 2000). Akibatnya, kesetiaan dianggap sebagai pembolehubah penyebab kepuasan. Selain itu, perilaku usahawan adalah pembolehubah utama dari beberapa pembolehubah sokongan (Castro, 2007) dan memprediksi perilaku pelancong. Semua pembolehubah ini memiliki dampak signifikan terhadap perilaku pelancong di masa depan.

Martin (2004) menyatakan bahwa bahwa gelagat pelancongan akan kembali ke destinasi pelancongan dengan sumber daya warisan dan budaya dalam kondisi terjaga. Hal ini diperkuat oleh hasil penyelidikan Pearce (2005) menyatakan bahwa pengalaman boleh menjadi suatu acuan bagi pelancong untuk kembali dan tinggal ke destinasi pelancongan yang pernah dikunjungi sebestumnya. Oleh itu, menurut Pearce bahwa gelagat pelancong sangat penting bagi usahawan dalam membuat keputusan di sektor pelancongan.

2.6 Kerangka Teori Kajian

Kajian yang sejenis daripada kajian ini sudah banyak yang dilakukan oleh beberapa penyelidikan (Altman and Finlayson, 1993; Lau, Chan, 1999; Carter, 2004). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan komuniti akan mempengaruhi peluang. Adapun kajian yang dilakukan oleh Othman (1998), dikatakan bahawa peluang dapat muncul bersamaan dengan pelaksanaan pembangunan pelancongan.


Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa campuran promosi mempengaruhi peluang. Hasil kajian tersebut diketahui bahawa produk pelancongan yang ditunjang oleh pengetahuan, sikap dan gelagat akan memunculkan peluang. Berdasarkan kedua-dua hasil kajian itu dapat ditarik kesimpulan bahawa pembangunan komuniti berpengaruh secara tidak langsung terhadap peluang melalui pengetahuan, sikap dan gelagat. Sedangkan hasil penyelidikan Carter (2004) menunjukkan bahawa ada hubungan yang signifikan antara produk pelancongan dengan pembangunan komuniti pelancongan.

Berdasarkan kerangka teori kajian tersebut maka dapat dikemukakan bahawa Ada hubungan yang signifikan antara produk pelancongan dengan pembangunan komuniti (Altman & Finlayson, 1993) produk pelancongan berpengaruh secara tidak langsung terhadap peluang melalui campuran promosi (Thomas K, 1999). Penyelidikan yang akan dilaksanakan, berbeza dengan kajian yang telah dilakukan sebelumnya, iaitu tentang pembangunan komuniti, peluang bagi usahawan kecil dan menengah sektor pelancongan di Provinsi Banten, Indonesia. Pembolehubah yang dikaji adalah:

- a. Kolaborasi, merangkumi semua kegiatan yang ingin dicapai dan mempunyai tujuan serta manfaat yang sama. Kolaborasi terjadi apabila terjadi perkongsian dalam satu kegiatan penyelidikan dengan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan, tindakan intelektual (Subramanyam, 1983; Gordon, 1994; Sim, 2010).
- b. Promosi merangkumi komunikasi pemasaran yang berusaha menyebarkan maklumat, mempengaruhi / memujuk / dan atau mengingatkan pasaran sasaran atas syarikat dan produknya agar bersedia menerima, membeli dan setia pada produk yang ditawarkan (Getz, 1989; Kotler, 2011; Stanton, 2010; Walle, 1993; Altman & Finlanson, 1993; Gavin, 1995; Thongma 2009; Esper & Rateike, 2010; Babatunde, 2011)
- c. Produk pengganti meliputi semua barang yang digunakan untuk menggantikan produk lain yang kegunaannya sama (Kotler & Hayes, 2002; Porter 2006).
- d. Pengambilalihan sebagai strategi peningkatan kemampuan usaha dalam bentuk konsolidasi, penggabungan, dan pengambilalihan (Wang, 2000)
- e. Pembangunan lestari, satu keperluan manusia untuk mempertahankan hidup dan memperoleh kesejahteraan serta kenyamanan (Goldemberg, 2007; Bruntland, 1987; Global Status Report on Local Renewable Energy Policies, 2009)

- f. Pengetahuan sebagai sekumpulan maklumat yang memiliki pola dan implikasi tertentu serta memiliki kemampuan untuk memprediksi dan bertindak (*capacity to act*) (Allport 1954; Davenport & Prusak, 1998; Drucker 1998; Alwisol 2005).
- g. Sikap sebagai kesiapan untuk bereaksi terhadap satu tujuan dengan cara-cara tertentu (Allport 1954; Davenport & Prusak, 1998; Drucker 1998; Alwisol 2005).
- h. Gelagat sebagai pembelajaran yang berdasarkan pada tingkah laku yang diperolehi dari interaksi dan pengkonsepsian dengan lingkungan (Allport 1954; Davenport & Prusak, 1998; Drucker 1998; Alwisol 2005).
- i. Peluang sebagai informasi yang penting dalam menjelaskan satu kesempatan berusaha di bidang produk pelancongan merangkumi tarikan, penginapan, catering, pengangkutan, penyokong, dan prasarana lain (Welch & Mann, 2001)

Pembangunan rajah kerangka teori kajian yang menggambarkan tentang pembolehubah penyelidikan adalah sebagai berikut.



Rajah 2.6

Kerangka Kajian Untuk Tujuan Pengujian Hipotesis

Sumber : Ubah suai berdasarkan teori

Keadaan:

X = pemboleh ubah tak bersandar

Y = pemboleh ubah perantara

Z = pemboleh ubah bersandar

2.7 Operasionalisasi Pembolehubah Kajian

Dalam kajian eksplorasi selalu diperlukan keterangan mengenai fenomena yang akan diselidiki, penjelasan atas konsep dan masalah, dan melakukan pendefinisian operasi pembolehubah untuk mencari hubungan kausal dan menjelaskan pembolehubah-pembolehubah penyebab kepada masalah yang dikaji (Marques, 2007).

Pengukuran terhadap pembolehubah tak bersandar kajian dilakukan dengan cara menghuraikan pembolehubah penyelidikan ke dalam operasi pembolehubah kajian yang terdiri dari pembolehubah pokok, sub pembolehubah, konsep pembolehubah, penunjuk, dan skala pengukuran. kolaborasi (X1) secara konseptual merangkumi semua kegiatan yang ingin dicapai dan mempunyai tujuan serta manfaat yang sama. Kolaborasi terjadi apabila lebih dari satu orang atau lembaga berkongsi dalam satu kegiatan penyelidikan dengan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan, tindakan intelektual, ataupun materi. Kolaborasi muncul akibat pandangan bahawa satu kegiatan kadang tidak dapat dikerjakan sendiri sehingga membutuhkan orang lain.

Promosi (X2) secara konseptual diertikan sebagai komunikasi pemasaran yang berusaha menyebarkan maklumat, mempengaruhi / merujuk / dan atau mengingatkan pasaran sasaran atas syarikat dan produknya agar bersedia menerima, membeli dan loyal pada produk yang ditawarkan.

Produk pengganti (X3) secara konseptual diertikan sebagai barang yang digunakan untuk menggantikan barang lain yang kegunaannya sama. Pengambilalihan (X4) secara konseptual diertikan sebagai strategi peningkatan kemampuan usaha dalam bentuk konsolidasi, penggabungan dan pengambilalihan.

Pembangunan lestari (X5), secara konseptual diertikan sebagai seusatu yang diperlukan manusia untuk mempertahankan hidup dan memperoleh kesejahteraan serta kenyamanan.

Adapun jadual pembolehubah pokok, sub-pembolehubah, konsep, penunjuk, dan skala pengukuran untuk pembangunan komuniti mengenai kolaborasi dapat dilihat berikut dibawah ini.

Jadual 2.2

Pembolehubah Pokok, Sub-Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Kolaborasi.

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Kolaborasi (X1) (Subramanyam, 1983; Scott Gordon, 1994; Cheryl Sim, 2010)	Kontrol usaha	Adalah tindakan korektif atas pengendalian rancangan agar dicapai satu target dan tujuan yang diinginkan	1)Kepemimpinan Usaha 2)Standarisasi 3)Waktu Pelaksanaan 4)Target	1)Karakter 2)Ketepatan 3)Kesesuaian 4)Ketercapaian	1)Ordinal 2)Ordinal 3)Ordinal 4)Ordinal
	Lingkup usaha	Satu kesatuan usaha dengan cakupan sarana serta prasarana usaha	1)Jenis usaha 2)Tempat usaha 3)Hasil usaha	1)Keberagaman 2)Ketepatan 3)Kualitis	1)Ordinal 2)Ordinal 3)Ordinal
	Kepentingan bersama	Satu nilai yang dapat diperolehi dan dinikmati bersama	1)Visi 2)Tujuan 3)Keuntungan	1)Kesefahaman 2)Hasil yang diinginkan 3)Harapan	1)Ordinal 2)Ordinal 3)Ordinal
	Tujuan bersama	Pencapaian hasil akhir yang telah direncanakan dan ditargetkan bersama	1)Orientasi 2)Rancangan 3)Pelaksanaan	1)Pandangan 2)Tahapan 3)Proses	1)Ordinal 2)Ordinal 3)Ordinal

Jadual 2.3

Pembolehubah Pokok, Sub-Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Promosi

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Promosi (X2) (Getz, 1989; Kotler, 2011; William J Stanton, 2010; AH Walle, 1993; Jon Altman and Julie Finlanson, 1993; Gavin, 1995; Thongma 2009; Esper and Rateike, 2010; Sunday and Babatunde O, 2011)	Iklan	Media untuk mempromosikan produk pelancong kepada komuniti sehingga komuniti menjadi tahu dan tertarik untuk mengunjunginya	1) Variasi maklumat 2) Daya tarik iklan 3) Pemahaman 4) Pesan	1) Media 2) Penyajian 3) Penerimaan 4) Materi	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal
	Tenaga penjualan	Personal atau orang yang menyampaikan atau mempromosikan produk pelancong kepada komuniti / calon pelancong	1) Personil 2) Kemampuan 3) pengetahuan 4) Sikap 5) Ketersediaan	1) Jumlah 2) Penguasaan 3) Pemahaman 4) Keramahan 5) Keberadaan	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal 5) Ordinal
	Promosi Jualan	Tempat atau lokasi yang digunakan dalam memperkenalkan dan mempromosikan produk pelancong	1) Outlet 2) Ruang pameran 3) Discount 4) Peragaan 5) Sample	1) Daya tarik 2) Strategis 3) Menarik 4) Komunikatif 5) Kesesuaian	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal 5) Ordinal

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
		kepada komuniti atau calon pelancong			
	Publisitas	Program mempromosikan produk pelancong kepada komuniti atau calon pelancong	1) Program 2) Materi 3) Jangkauan 4) Frekuensi	1) Pelaksanaan 2) Isi 3) Luas 4) Volume	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal

Jadual 2.4

Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Produk Pengganti

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Produk Pengganti (X3) (Kotler, Hayes, 2002; Porter ME 2006)	Kualiti produk.	Totalitas dari karakteristik satu produk (barang atau jasa) yang menunjang kemampuannya untuk memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan	1) Standarisasi 2) Spesifikasi 3) Lisensi	1) Kesesuaian 2) Ketepatan 3) Legilitas	1) Ordinal 2) Ordinal
	kesesuaian harga	Kepuasan yang timbul dari harapan dan persepsi yang diterima	1) Tingkat harga 2) Penetapan harga 3) Jenis harga 4) Komparasi harga	1) Keterjangkauan 2) Kondisi 3) Keunikan	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
	garansi produk	Kewajiban berdasarkan perjanjian yang diadakan oleh pengeluar dalam hubungannya dengan penjualan produk	1)Kemudahan 2)Kepercayaan 3)Kepastian 4)Kepuasan	4) Lingkungan 1)Kecepatan 2)Keyakinan 3)Mutu 4)Harapan	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal
	Ketersediaan	kesiapan satu sarana (tenaga, barang, modal, anggaran) untuk dapat digunakan atau dioperasikan dl waktu yg telah ditentukan	1)Keberagaman 2)Kemudahan 3)Kegunaan 4)Kesiapan	1) Jenis 2) Kenyamanan 3) Keterpakaiian 4) Keberadaan	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal 4) Ordinal
	estetika produk	Sifat keindahan dan seni satu produk	1.Keindahan 2.Keunikan 3. Kekuatan	1)Menarik 2)Antik 3)Awet	1) Ordinal 2) Ordinal 3) Ordinal

Jadual 2.5

Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Pengambilalihan

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Pengambilalihan (X4) (Wang, 2000)	Penggabungan	mengadakan satu bentuk berkongsi yang saling menguntungkan baik antara usaha yang sejenis mahupun tidak sejenis	1) Bentuk	1)Berterusan	1) Ordinal
			2) Keperluan	2)Kebersamaan	2) Ordinal
			3) Tujuan	3)Peningkatan	3) Ordinal
	Kendali usaha	penetapan satu rencana tindakan atau standar untuk mengukur prestasi pelaksanaan usaha	1)Rancangan	1)Kesesuaian	1)Ordinal
			2)Peaksanaan	2)Proses	2)Ordinal
			3)Pengukuran	3)Hasil	3)Ordinal
			4)Prestasi	4)Prestasi	4)Ordinal
	kepemilikan	Kekuasaan yang disokong secara sosial untuk memegang kontrol terhadap satu usaha	1)Legalisasi	1)Kepastian	1)Ordinal
			2)Wewenang	2)Ketegasan	2)Ordinal
			3)Kondisi	3)Keberadaan	3)Ordinal
			4)Kebanggaan	4)Perasaan	4)Odinal

Jadual 2.6

Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Mengenai Pembangunan Lestari

Ppembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Pembangunan Lestari (X ₅) Jose Goldemberg, 2007; Bruntland, G, 1987; Global Status Report on Local Renewable Energy Policies, 2009	Keperluan	Segala sesuatu yang diperlukan manusia untuk mempertahankan hidup dan memperoleh kesejahteraan serta kenyamanan	1) Pemenuhan	1)Keberadaan	1)Ordinal
			2) Kebutuhan	2)Ketersediaan	2)Ordinal
			3) Keinginan	3)Niat	3)Ordinal
			4) Keterpaksaan	4)Keterdesakan	4)Ordinal
	Teknologi	Semua proses yang dilaksanakan dalam upaya untuk mewujudkan sesuatu secara rasional	1)Moden	1)Perubahan	1)Ordinal
			2)Pembeza	2)Nilai	2)Ordinal
			3)Kemudahan	3)Membantu	3)Ordinal
			4)Ketercapaian	4)Kepuasan	4)Ordinal
	Kemampuan	Satu dasar seseorang yang dengan sendirinya berkaitan dengan pelaksanaan pekerjaan secara efektif atau sangat berhasil	1) Kekuatan	1)Kokoh	1)Ordinal
			2)Kekuasaan	2)Kepemilikan	2)Ordinal
			3)Keberadaan	3)Kualiti	3)Ordinal
	Organisasi sosial	Satu proses yang menyebabkan individu	1)Jaringan	1)Keberadaan	1)Ordinal
			2)Program	2)Aktiviti	2)Ordinal
			3)Konsolidasi	3)Pertemuan	3)Ordinal

Ppembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
		disosialisasikan dalam kelompok			

Pembolehubah moderating (Y) terdiri dari: 1) pengetahuan; 2) sikap dan 3) gelagat. pembolehubah utama, sub pembolehubah, konsep pembolehubah, penunjuk, dan skala pengukuran untuk peluang disajikan dalam Jadual 2.7.

Jadual 2.7

Pembolehubah Pokok, Sub Pembolehubah, Konsep, Penunjuk, Dan Skala Pengukuran Untuk Pengetahuan

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
Pengetahuan (Y1) (Allport 1954; Davenport and Prusak, 1998; Drucker 1998; Alwisol 2005).	Pengalaman	Sekumpulan maklumat yang memiliki pola dan implikasi tertentu serta memiliki kemampuan untuk memprediksi dan bertindak (<i>capacity to act</i>)	1)Kecerdasan	1)Tangkas	1)Ordinal
			2)Maklumat	2)Terekam	2)Ordinal
			3)Inovasi	3)Perubahan	3)Ordinal
			4)Eksplorasi	4)Penemuan	4)Ordinal
			5)Solusi	5)Hasil	5)Ordinal
	Kemampuan	Kesipaan untuk bereaksi terhadap satu tujuan dengan cara-cara tertentu	1)Keberhasilan	1)Nilai	1)Ordinal
			2)Kredibilitas	2)Kejujuran	2)Ordinal
			3)Keberdikarian	3)Keteguhan	3)Ordinal
			4)Aplikatif	4)Berguna	4)Ordinal

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
	Pemahaman	Pembelajaran yang berdasarkan pada tingkah laku yang diperolehi dari interaksi dan pengkondisian dengan lingkungan	1)Kompetensi 2)Konsistensi 3)Loyalitas 4)Responsi	1)Pengakuan Integritas Pelayanan 2)Berterusan Penerimaan 3)Kepatuhan Keberanian 4)Empati Simpati	1)Ordinal 2)Ordinal 3)Ordinal
	Kepercayaan	derajat seseorang yang percaya menaruh sikap positif terhadap keinginan baik dan keandalan orang lain yang dipercayanya di dalam situasi yang berubah ubah dan beresiko	1.Sikap Positif dan negative 2.Keinginan 3.Kondisi 4.Resiko	1.Percaya dan tidak percaya 2. Pemenuhan 3. Waktu 4.Biaya	1. Ordinal 2. Ordinal 3. Ordinal 4. Ordinal
	Emosional	emosi merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia, kerana emosi dapat merupakan motivator gelagat dalam erti meningkatkan, tapi	1. Rangsangan dari luar diri dan dalam 2. Motivasi 3. Intensitas gelagat	1.Lingkungan 2.Kegagalan dan keberhasilan 3.Konsistensi	1. Ordinal 2. Ordinal 3. Ordinal

Sikap (Y2)
(Allport 1954;
Davenport and
Prusak, 1998;
Drucker 1998;
Alwisol 2005).

Pembolehubah	Sub pembolehubah	Konsep	Indikator	Ukuran	Skala
	Tindakan	juga dapat mengganggu gelagat intensional manusia Pengetahuan seseorang tentang stimulus, kemudian mengadakan penilaian atau pendapat terhadap apa yang telah diketahui untuk dilaksanakan atau dipraktikkan	1. Persepsi 2. Respon terpinpin 3. Mekanisme 4. Adopsi	1. Umur 2. Pendidikan 3. Pekerjaan 4. Ukuran	1.Ordinal 2.Ordinal 3.Ordinal 4.Ordinal
Gelagat (Allport 1954; Davenport and Prusak, 1998; Drucker 1998; Alwisol 2005).	Unik	Seuatu yang berbeza dengan yang lainnya	1.Berbeza 2.Memiliki nilai lebih 3.Menarik	1. Nilai 2.Manfaat 3.Kepuasan	1. Ordinal 2. Ordinal 3. Ordinal
	Respon	Timbal balik dari rangsangan yang dilakukan untuk membaca sikap	1.Timbal balik 2.Rangsangan 3.Tanggapan	1. Hasil 2. Dorongan 3. Reaksi	1.Ordinal 2.Ordinal 3.Ordinal
